

KEINDAHAN UNDANG-UNDANG ISLAM

MUHAMMAD FATHI YUSOF



E-BOOK : KEINDAHAN UNDANG-UNDANG ISLAM

OLEH: MUHAMMAD FATHI BIN YUSOF

Format kutipan (citation):

Muhammad Fathi Yusof (2017). *Keindahan Undang-undang Islam*. Retrieved from <http://razakschool.utm.my/fathi/e-book-KUUI/>



Best Brains Asia Publications

Gombak, SELANGOR

Mei 2017

fathiyusof@gmail.com

fathi@utm.my

hak cipta MUHAMMAD FATHI YUSOF

Buku ini adalah istimewa buat:

Isteriku... Ros Izanuri Jamaludin

Dan anak-anak...

Farha Rusyda

Abdullah Muslih

Mus'ab Umayr

SENARAI KANDUNGAN

Prakata	5
Pendahuluan	6
Bab 1 Falsafah Undang-undang Islam	8
Bab 2 Matlamat Undang-undang Islam	16
Bab 3 Ciri-ciri Syariah	22
Bab 4 Perbandingan dengan Undang-undang Barat	41
Bab 5 Sumber Undang-undang Islam	45
Bab 6 Sistem Kehakiman Islam	59
Bab 7 Undang-undang Prosedur	75
Bab 8 Undang-undang Keterangan	82
Bab 9 Sistem penguatkuasaan Islam	100
Bab 10 Undang-undang Jenayah Syariah	117
Bab 11 Keindahan Undang-undang Jenayah Syariah	142
Penutup	152
Senarai Rujukan	153

PRAKATA

Dengan nama Allah yang Maham Pemurah lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah. Selawat dan salam buat Rasulullah SAW.

Alhamdulillah, buku ini dapat dihasilkan dengan izin dan kurnia dari Allah SWT. Tujuan ia dipersembahkan adalah untuk menyediakan bahan-bahan bagi menyokong keyakinan pembaca tentang keindahan undang-undang Islam.

Pendekatan buku ini adalah berasaskan kepada penggabungan ilmu berteraskan Al-Quran dan Sunnah dan kefahaman semasa yang melibatkan perbandingan dengan undang-undang konvensional.

Pada asalnya buku ini ditulis pada sekitar tahun 2000 untuk dijadikan sebahagian bahan buku teks kursus Institusi-institusi Islam yang dijalankan di Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur. Namun kini ia diolah dengan tema keindahan undang-undang Islam agar manfaatnya dapat tersebar dengan lebih luas.

Saya amat mengalu-alukan teguran dan cadangan dari para pembaca sekalian, terutamanya rakan-rakan para ilmuan yang ingin berkongsi maklumat dan pengetahuan.

Akhirnya, saya berdoa agar manfaat buku ini dapat menjadi bekalan saya di akhirat nanti.

Muhammad Fathi Yusof
Pensyarah Kanan/ Felo Penyelidik (Undang-undang & Perlembagaan)
Universiti Teknologi Malaysia,
Kuala Lumpur
fathi@utm.my

PENDAHULUAN

Agama Islam adalah agama yang kerap kali disalahfahami. Sebahagian masyarakat dunia melihat Islam sebagai agama yang ganas, kejam dan kolot. Undang-undang Islam pula dilihat sebagai undang-undang yang ketinggalan zaman dan zalim. Musuh-mush Islam sentiasa cuba untuk menonjolkan kelemahan pelaksanaan undang-undang Islam bagi menyokong propaganda mereka. Akibatnya, Islam dan Syariah sentiasa menjadi momokan bagi melemahkan umat Islam.

Dilema ini tidak boleh sekadar dijawab tanpa dibuktikan keindahan Islam melalui pelaksanaan. Keindahan Islam akan dapat benar-benar difahami setelah mereka melihat dan merasai sendiri kemurniannya. Namun begitu, bagi mencapai hasrat berkenaan, umat Islam sendiri terlebih dahulu perlu meyakini keindahan Islam. Umat Islam perlu memiliki ilmu

dan maklumat yang mencukupi bagi meyakinkan diri mereka berkenaan keunggulan serta keindahan Islam dan undang-undang Islam.

Penjajahan bangsa Eropah ke atas umat Islam sejak beberapa abad silam memberi kesan kepada jatidiri dan keyakinan diri umat Islam. Sebahagian umat Islam mengalami penyakit kekaguman melampau kepada sistem dan cara hidup Barat sehingga menafikan terus kehebatan dan keindahan yang terdapat dalam sistem Islam. Realiti kemajuan yang dikecapi oleh dunia Barat mengukuhkan lagi keyakinan mereka. Akibatnya, mereka hanya mempunyai nama dan rupa paras seperti seorang Muslim tetapi mempunyai jiwa dan pemikiran Barat.

Oleh yang demikian, menjadi keperluan untuk kita bukan sahaja belajar berkenaan hukum hakam Islam, bahkan juga menggali prinsip, hikmah dan falsafah di sebalik hukum-hukum Islam . Dalam masa yang sama, perlu juga untuk membuat perbandingan di antara undang-undang Islam dan undang-undang Barat yang menjadi rujukan dalam kebanyakan sistem perundangan di beberapa negara umat Islam.

BAB 1

FALSAFAH UNDANG-UNDANG ISLAM

Undang-undang Islam atau Syariah bermaksud apa yang disyariatkan oleh Allah berupa hukum-hukum yang ditetapkan berasaskan dalil al-Quran, al-Sunnah dan cabangnya iaitu ijma' qiyas dan lain-lain. Fekah pula bermaksud sekumpulan hukum syarak amali yang disimpulkan (diisbatkan) melalui dalil-dalil yang terperinci.

Hukum di dalam undang-undang Islam terbahagi kepada dua iaitu (al-Qaradawi, 1998:27):

1. Hukum yang ditetapkan secara langsung oleh nas-nas al-Quran dan al-Sunnah dengan jelas dan terang. Bahagian ini lebih sedikit walau pun lebih besar kepentingan dan peranannya.. Ini kerana ia membentuk tapak yang utuh bagi mendirikan syariat keseluruhannya.
2. Hukum yang ditetapkan melalui ijtihad para ulama dan fuqaha dengan berpedomankan al-Quran dan al-Sunnah, atau hukum yang berasaskan qiyas, istislah, istihsan, istishab dan sebagainya. Jenis kedua ini merupakan hukum syariah yang paling banyak.

Terdapat juga ulama yang membahagikan hukum Islam kepada pembahagian berikut:

1. Hukum yang tetap iaitu hukum hakam yang diberitahu oleh Allah yang tidak terpengaruh dengan perubahan masa dan tempat. Asas dan usul masalah bagi bahagian ini telah ditetapkan oleh syariat. Hukum hakamnya pula telah dihuraikan secara terperinci. Ia merupakan hukum yang tetap dan akan kekal hingga akhir zaman, untuk semua manusia.
2. Hukum hakam yang boleh berubah mengikut faktor-faktor tertentu seperti faktor masa, tempat adat kebiasaan dan keadaan. Kewujudan hukum ini melalui cara ijtihad menjadikannya tidak terkeluar dari syariat.

Oleh kerana Syariah adalah berasaskan wahyu dari Allah maka setiap orang yang beriman mempunyai kewajipan untuk melaksanakan menurut kemampuan dan kuasa yang ada pada mereka. Allah berfirman:

Terjemahan: Dan tidaklah bagi seseorang mukmin lelaki dan perempuan, jika Allah dan Rasul-Nya memutuskan sesuatu perkara, untuk memilih (yang lain) dari ketentuan mereka. Dan barangsiapa yang mengingkari Allah dan Rasul-Nya, bererti dia sesat dengan kesesatan yang nyata. (Surah al-Ahzab 33:36)¹

Falsafah undang-undang Islam

Manusia adalah makhluk sosial yang sentiasa memerlukan antara satu sama lain. Hubungan sesama manusia tidak boleh berlaku dengan sempurna jika tidak ada peraturan atau undang-undang. Sejarah membuktikan bahawa manusia cuba mencipta peraturan dan undang-undang menggunakan akal sendiri bagi menyusun kehidupan mereka. Namun demikian, oleh kerana kemampuan akal manusia adalah terbatas serta pengaruh nafsu yang mendorong kepada kelemahan, maka undang-undang yang dicipta itu mempunyai seribu macam kekurangan.

¹ Lihat juga Surah al-Nur (24): 51, Surah al-Nisa' (4):65 dan Surah al-Baqarah (2): 49

Undang-undang Islam adalah undang-undang yang bertunjangan wahyu Ilahi, iaitu undang-undang yang datang dari pencipta manusia iaitu Allah S.W.T. Allah yang bersifat dengan segala sifat kesempurnaan tentunya menyediakan undang-undang yang tepat dengan fitrah kejadian manusia. Bahkan Allah tentunya Maha Mengetahui apa yang baik untuk manusia dalam menjalankan kehidupan samada berkaitan hubungan dengan manusia dengan Tuhannya, hubungan dengan alam sekitar dan hubungan sesama manusia.

Undang-undang Islam mempunyai kelebihan yang tidak dapat ditandingi oleh undang-undang ciptaan manusia. Sebagai undang-undang yang bersifat '*rabbani*', hikmat dan falsafah di sebalik perundangan Islam tidak semestinya dapat difahami oleh manusia. Walau sudah ada perbincangan disebalik falsafah undang-undang Islam, namun tidak semua perbincangan itu mampu menggali falsafah sebenar di celah-celah keunggulan undang-undang Islam.

Undang-undang Islam dalam bahasa Arab disebut sebagai *al-syariah* atau syariat. Dari sudut bahasa, syariat bermaksud segala apa yang ditetapkan oleh Allah kepada hamba-Nya berupa *al-din* (agama). Skop syariat ini adalah menyeluruh dan luas meliputi soal ibadah, kekeluargaan, jenayah, muamalat, siasah dan lain-lain(al-Qaradawi, 1998:6-9). Perkataan syariat

adalah pecahan dari perkataan syara'a yang antara lain membawa maksud jalan ke arah air atau tempat keluar mata air yang airnya tidak pernah putus dan tidak memerlukan alat untuk mendapatkannya (Mu'jam al-faz al-Qur'an , t.th.).

Maksud asal perkataan syariah mempunyai perkaitan yang tersendiri dengan keunggulan undang-undang Islam. Air adalah satu keperluan hidup yang tidak dapat dipisahkan manusia dan hampir semua makhluk bernyawa di atas muka bumi ini. Sebagaimana pentingnya air kepada kehidupan, begitu jugalah pentingnya syariat kepada manusia. Syariat berperanan untuk menyempurnakan kehidupan manusia untuk setiap zaman hingga ke hari kiamat. Jika air amat sesuai untuk memenuhi pelbagai keperluan manusia, maka Syariat juga amat serasi dengan kehendak dan pembangunan manusia sejagat.

Perbandingan dengan falsafah undang-undang Barat

Para pengkaji undang-undang, jurisprudens serta ahli falsafah terutamanya dari Barat mengemukakan pelbagai konsep, teori dan falsafah berkaitan undang-undang yang terbaik untuk diikuti oleh manusia. Teori dan falsafah ini dikemukakan bagi menentukan piawai keberkesanan dan keadilan undang-undang.

Pada umumnya terdapat dua aliran utama di kalangan pemikir undang-undang Barat yaitu golongan *naturalist* dan *positivist*. Golongan *naturalist* percaya bahawa undang-undang perlu selari dengan undang-undang semulajadi (*natural law*) yang berasaskan moral dan keadilan. Setiap undang-undang yang dikuatkuasakan mesti selari dengan kebaikan semulajadi, keadilan semulajadi, hak-hak asasi semulajadi, peraturan moral semulajadi dan menepati kebenaran (CPLSP, 2001).

Namun demikian perkataan ‘semulajadi’ yang dimaksudkan oleh golongan ini adalah kabur dan terlalu luas. Begitu juga dengan persoalan keadilan, kebaikan, kebenaran, moral dan hak asasi. Sesiapa sahaja boleh menafsirkan maksud perkataan-perkataan itu mengikut pemikiran dan selera masing-masing. Walau pun terdapat segelintir pemikir agama Kristian yang berpendapat bahawa undang-undang semulajadi bersumberkan agama, namun pemikiran ini agak terpinggir dan kurang popular. Tambahan pula di dalam agama Kristian tidak terdapat peraturan yang menyeluruh berkaitan jenayah, urusan niaga, pentadbiran negara, prosedur mahkamah, hubungan antara bangsa dan lain-lain sebagaimana yang terdapat di dalam agama Islam. Oleh yang demikian golongan *naturalist* ini pada akhirnya terpaksa bergantung kepada akal dan perasaan untuk menentukan keadilan sesuatu undang-undang.

Sementara golongan *positivist* pula berpegang kepada fahaman positivisme iaitu undang-undang dan keadilan hanyalah ciptaan manusia. Sesuatu tindakan itu tidak boleh dianggap betul atau salah kecuali apabila sekumpulan masyarakat tertentu mengisytiharkannya sebagai betul atau salah melalui undang-undang atau adat positif. Penentuan samada sesuatu itu betul atau salah adalah tertakluk kepada faktor masa dan tempat. Oleh itu tidak ada peraturan atau undang-undang yang boleh dianggap universal. Golongan ini menolak konsep keadilan semulajadi, undang-undang moral semulajadi dan hak asasi semulajadi. Mereka berpendapat bahawa keadilan, peraturan, hak dan tanggungjawab hanya wujud apabila ia dikuatkuasakan oleh pemerintah ke atas rakyatnya (Adler, t.th.).

Fahaman ini jelas mendewakan pendapat dan kemahuan manusia dalam menentukan undang-undang serta keadilan. Pemikiran golongan ini adalah amat berbahaya kerana ia boleh mendorong kepada kezaliman pemerintah yang berkuasa menguatkuasakan apa sahaja peraturan tanpa batas.

Sebagai perbandingan, konsep dan falsafah keadilan undang-undang Islam adalah mudah dan jelas. Keadilan adalah berasaskan undang-undang yang telah ditetapkan oleh Allah melalui wahyunya di dalam al-Quran dan Sunnah. Jika tidak terdapat hukum yang dikehendaki dalam al-Quran atau

Sunnah, maka keadilan boleh merujuk kepada sumber atau kaedah yang lain seperti ijma', qiyas dan sumber-sumber lain selama mana tidak bercanggah dengan prinsip umum yang ditetapkan oleh al-Quran dan Sunnah. Apa yang diwahyukan oleh Allah diyakini akan membawa keadilan, kebaikan dan kebenaran untuk manusia seluruhnya sepanjang zaman.

Tegasnya, falsafah perundangan Islam adalah lebih mantap dan jelas. Syariah atau undang-undang Islam adalah berasaskan wahyu dari Allah yang mencakupi segenap urusan kehidupan manusia baik dalam soal ibadat, urusanniaga, siasah, jenayah, kekeluargaan, wasiat, pusaka serta hubungan antarabangsa. Apa yang ditetapkan oleh Allah itu mesti dipatuhi kerana itulah peraturan yang paling menepati fitrah kejadian manusia dan sesuai di setiap tempat dan zaman. Di samping itu terdapat ruang tertentu yang tidak diperuntukkan oleh nas-nas Syariah. Di sinilah letaknya peranan akal manusia untuk berijtihad membuat undang-undang yang diperlukan dalam ruang lingkup yang dibenarkan.

BAB 2

MATLAMAT UNDANG-UNDANG ISLAM

Undang-undang Islam berasaskan konsep dan falsafah yang unggul. Sesuai dengan kemurnian agama Islam, undang-undang Islam mempunyai matlamat yang selari dengan kejadian manusia. Allah menjadikan manusia untuk beribadah dan menjadi khalifah yang menguruskan dunia dengan penuh amanah. Syariat diturunkan untuk memenuhi matlamat kejadian manusia ini.

Matlamat Utama

Matlamat utama perundangan Islam atau syariah adalah untuk membawa rahmat kepada seluruh manusia dan semesta alam. Ini bertepatan dengan pengutusan Rasulullah Sallallahu 'Alaihi

Wasallam sebagai Nabi yang membawa rahmat ke seluruh alam. Allah telah berfirman:

Terjemahan: Wahai manusia, telah datang kepada kamu satu pengajaran dari Tuhan kamu dan ubat bagi untuk hati kamu dan petunjuk serta rahmat untuk orang-orang yang beriman.

(Surah Yunus 10:57)

Pada umumnya perundangan dan hukum-hukum Islam disyariatkan untuk memberikan kemudahan dan kesenangan kepada manusia. Syariat Islam yang bersifat lengkap dan sempurna itu adalah satu kurniaan Allah untuk menjamin kebahagiaan manusia, kemakmuran masyarakat, dan kebaikan kepada seluruh alam. Allah tidak mewujudkan hukum-hakam ini untuk menyusahkan atau menyekat kebebasan manusia, bahkan ia adalah untuk kebaikan manusia. Allah berfirman:

Terjemahan: Allah menghendaki kemudahan bagimu dan tidak menghendaki kesukaran bagi mu.

(Surah al-Baqarah: 185)

Allah selaku Tuhan yang mencipta manusia tentunya menjadi pihak yang paling tahu peraturan dan undang-undang yang dapat membawa 'kebaikan' kepada manusia. Walau pun manusia mungkin mencuba untuk membuat atau mengikut

peraturan lain dengan menyangka bahawa ia mendatangkan *masalah* atau kebaikan, ketentuan Allah pasti lebih tepat dan sempurna. Tanggapan manusia tentunya tidak tepat berbanding dengan ketetapan Allah kerana manusia mempunyai kemampuan akal yang terbatas dan mudah terpengaruh dengan kehendak nafsu.

Syariat Islam secara keseluruhannya adalah untuk kepentingan atau *masalah* manusia. Para ulama' antaranya Imam al-Ghazali (1937) membahagikan *masalah* atau kepentingan itu kepada tiga peringkat iaitu:

- a. *Dharuriyyat* – keperluan asasi iaitu sesuatu yang mesti ada pada setiap manusia. Secara ringkasnya terdapat lima bentuk *daruriyyat* iaitu agama, nyawa, akal fikiran, keturunan atau kehormatan dan harta. Hukum-hukum Islam seperti kewajipan beriman kepada Allah, pengharaman murtad, hukuman qisas, kewajipan menuntut ilmu, pengharaman arak, perkahwinan, larangan zina, dan hukum hudud bagi pencuri berasaskan kepada bentuk-bentuk *daruriyyat* di atas.
- b. *Hajiyyat* – keperluan biasa iaitu sesuatu yang penting untuk memudahkan manusia dalam melaksanakan tanggungjawab dan memenuhi keperluan.
- c. *Tahsiniyyat* – pelengkap iaitu sesuatu yang menjadikan kehidupan ini lebih sempurna, indah dan selesa.

Tujuan dan matlamat syariat Islam berasaskan ketiga-tiga masalah di atas diambil kira mengikut tahap kepentingannya. Keperluan yang paling utama adalah *dharuriyat* atau keperluan asasi. Keperluan asasi ini menjadi matlamat dan hikmah terpenting dalam syariat. Jika berlaku percanggahan antara perkara *daruriyat* dengan perkara *hajiyyat* atau *tahsiniyyat* maka perkara *daruriyyat* mesti diutamakan. Antara bentuk *daruriyyat* itu pula, keperluan asasi agama adalah yang paling penting.

Tujuan umum perundangan Islam atau syariat ini menjadi landasan penting kepada ulama' untuk berijtihad dan mengeluarkannya hukum. Setiap hukum Islam tidak boleh terbabas daripada landasan umum ini iaitu untuk menjaga kepentingan atau *maslahah* manusia dan alam seluruhnya.

Hikmah dan tujuan hukum Islam

Di samping tujuan syariah secara umum, setiap satu hukum Islam mempunyai tujuan atau hikmah tersendiri iaitu untuk memberikan kebaikan kepada manusia. Sesuatu hukum samada berbentuk wajib, haram, sunat, makruh dan harus mempunyai matlamat tersendiri. Tidak ada satu pun hukum hakam samada berbentuk ibadat, jinayat, munakahat, mu'amalat atau lain-lain

disyariatkan oleh Allah tanpa tujuan atau hikmah. Sebahagian daripada tujuan dan hikmah hukum-hukum ini dapat difahami dan dianalisa oleh manusia. Sebahagian daripada hikmah hukum-hukum Islam ini didedahkan oleh Allah sendiri.

Contohnya, antara tujuan mengerjakan ibadah sembahyang adalah untuk pencegahan keji dan mungkar. Hikmah ini dinyatakan dengan jelas di dalam al-Quran iaitu melalui ayat 45, Surah Al-Ankabut. Begitu juga tujuan ibadah zakat untuk pembersihan dan penyucian (Surah Al-Taubah: 113), dan tujuan ibadah puasa untuk memupuk ketakwaan (Surah Al-Baqarah: 183), serta pengharaman arak dan judi bertujuan untuk mengelakkan permusuhan atau pergaduhan.

Kefahaman tentang hikmah dan tujuan ini boleh difahami melalui logik, pengalaman dan keberkesanan sesuatu hukum. Umpamanya ibadah haji mempunyai hikmah antara lain untuk memupuk persaudaraan antara umat Islam seluruh dunia kerana jemaah haji datang dari pelusuk dunia dan berkumpul di satu tempat yang sama untuk tujuan yang sama. Ibadah puasa pula dapat melahirkan kesedaran untuk membantu golongan miskin dan susah kerana rasa lapar yang dialami itu dapat menajamkan rasa simpati.

Selain itu, terdapat juga hikmah dan tujuan undang-undang dan hukum Islam yang tidak mampu disingkap oleh

akal manusia. Hakikatnya, manusia hanya mengetahui sebahagian dari hikmah sahaja, selebihnya hanya diketahui oleh Allah SWT. Ada juga hikmah dan tujuan hukum Islam ini yang hanya dapat diketahui selepas manusia mencapai kemajuan dalam penyelidikan, sains dan teknologi. Umpamanya hikmah berkaitan hukum menyembelih haiwan mengikut kaedah Islam adalah untuk memastikan meminimakan rasa sakit haiwan di samping memastikan kebersihan daging haiwan yang disembelih. Hikmah ini hanya diketahui selepas manusia membuat penyelidikan dan kajian terperinci.

Tegasnya, perundangan dan hukum-hukum Islam dibuat untuk kebaikan, kepentingan dan keperluan manusia. Oleh yang demikian setiap hukum Islam mempunyai peranan dan hikmah tersendiri. Sebahagian daripada hikmah ini dapat difahami, namun masih banyak hikmah dan kebaikan undang-undang Islam yang tidak diketahui oleh manusia.

BAB 3

CIRI-CIRI SYARIAH

Perundangan Islam mempunyai keistimewaan yang tersendiri kerana ia adalah undang-undang yang berteraskan agama. Kehebatan perundangan Islam ini berakar umbi dari keagungan dan keindahan agama Islam sendiri. Secara keseluruhannya ciri-ciri perundangan Islam adalah seperti berikut:

1. Perundangan Islam bersifat ketuhanan (*Rabbaniyyah*)

Undang-undang Islam bersifat ketuhanan bermaksud undang-undang Islam ini adalah ciptaan Allah SWT. Oleh itu, undang-undang Islam adalah undang-undang yang sempurna kerana Allah adalah Maha Sempurna. Undang-undang Islam amat

sesuai dengan fitrah manusia kerana manusia dijadikan oleh Allah. Sistem perundangan Islam juga satu-satunya undang-undang yang tepat untuk masyarakat manusia di peringkat negara atau antara bangsa kerana Allah yang Maha Mengetahui sifat, tabiat, keperluan dan masa depan masyarakat manusia. Allah juga sebaik-baik pencipta undang-undang kerana Dia Maha Adil dan Maha Bijaksana. Allah berfirman:

Terjemahan: Allahlah Yang Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

(Surah al-Anfal:71)

Terjemahan: Dan di atas tiap-tiap orang yang berpengetahuan itu ada lagi Yang Maha Mengetahui

(Surah Yusuf:76)

Menurut Abdullah Nasih Ulwan (1989:20) oleh kerana perundangan Islam bersifat rabbani, seseorang muslim tidak mempunyai pilihan lain selain dari menerimanya kerana ia adalah tuntutan keimanan dan fitrahnya. Allah telah berfirman:

Terjemahan: Dan tidaklah patut bagi lelaki yang beriman dan tidak pula bagi wanita yang beriman, apabila Allah dan RasulNya telah menetapkan suatu ketetapan, akan ada bagi mereka pilihan lain tentang urusan mereka

(Surah al-Ahzab: 36)

2. Berasaskan sumber yang kukuh

Fakta bahawa perundangan Islam bersumberkan Allah SWT, bukan satu andaian atau pendapat yang dangkal, malah ia berasaskan bukti yang kukuh dan jelas. Undang-undang Islam adalah undang-undang yang berasal daripada Allah tanpa mengalami penyelewengan dan perubahan. Wahyu daripada Allah SWT dirunkan dalam bentuk al-Quran dan Hadith Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam terus kekal sehingga hari ini.

Al-Quran yang ada pada hari ini adalah sama dengan al-Quran yang diturunkan kepada Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam lebih 1400 tahun yang lalu, baik dari segi lafaznya, maknanya, tajwidnya dan bacaannya. Tidak ada satu huruf atau baris pun yang berubah, ditambah, atau berkurangan. Fakta ini bukan sahaja diakui oleh orang Islam bahkan juga oleh sarjana bukan Islam. Misalannya Professor Reynold Nicholson (1965) dalam bukunya *The History of Arabic Culture* membuat pengakuan bahawa al-Quran adalah satu dokumen yang benar dan tidak boleh diragui, bahkan ia adalah satu-satunya kitab yang hebat yang tiada dalam agama-agama lain seperti Budha, Kristian dan lain-lain.

Dr. Abbas Husni Muhammad (1996:56) menyebut bahawa sumber Syariat Islam terpelihara kerana janji dari Allah dan kesungguhan umat Islam memeliharanya. Pemeliharaan sumber syariat ini tidak berlaku kepada syariat Nabi Musa dan ajaran Nabi Isa a.s. Oleh yang demikian kitab-kitab Taurat dan Injil yang ada pada hari ini jauh berbeza dengan kitab Taurat dan Injil sebenar yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Musa dan Nabi Isa a.s. Perkara ini tidak berlaku kepada al-Quran. Keaslian dan ketepatan al-Quran dijamin oleh Allah sebagaimana firmanNya:

Terjemahan: Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran dan sesungguhnya Kami benar-benar memeliharanya

(Surah al-Hijr: 9)

Selain daripada al-Quran, Hadith Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam juga berasaskan sumber yang kukuh. Ucapan Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam selain daripada al-Quran juga wahyu daripada Allah SWT. Allah berfirman:

Terjemahan: Dan dia (Nabi Muhammad) tidak bercakap mengikut hawa nafsu, sesungguhnya ia adalah wahyu yang diturunkan kepadanya.

(Surah al-Najm:3-4)

Ucapan dan perbuatan ini direkodkan oleh sahabat melalui ingatan yang kuat dan kemudiannya disampaikan kepada generasi demi generasi. Walau pun pada peringkat awal ini, hadith tidak ditulis seperti al-Quran, namun ketulinannya tetap terpelihara kerana setiap pihak yang menerima dan menyebarkan hadith ini menganggap ia sebagai satu amanah yang besar kerana pemalsuan hadith merupakan pembohongan terhadap Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam. Kebanyakan hadith ini dipindahkan dari satu generasi kepada generasi lain dengan jumlah yang ramai.

Kemudiannya pada zaman pemerintahan Khalifah Umar Abdul Aziz, penulisan hadith dimulakan secara sistematik. Kerja-kerja pengumpulan hadith ini dilakukan dengan teliti oleh tokoh-tokoh pengumpul hadith seperti Imam al-Bukhari, Imam Ahmad, al-Tarmizi, al-Nasa'i, Abu Daud dan Ibnu Majah. Sebelum menerima sesuatu hadith, tokoh-tokoh ini membuat penyelidikan berkaitan barisan perawinya, kandungan hadith, perbandingan dengan hadith lain, latar belakang setiap perawi dan lain-lain. Mereka juga membuat klasifikasi hadith menurut tahap kekuatan riwayatnya.

Para ulama', pemerintah dan seluruh umat Islam sepanjang zaman amat mengambil berat tentang ketulinan dan ketepatan hadith. Pembohongan kepada Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam melalui pemalsuan hadith merupakan kesalahan yang

sangat besar. Oleh yang demikian, Hanya hadith yang benar-benar jelas daripada Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam sahaja diterima sebagai sumber syariah. Hakikat ini menjadikan Syariat Islam sebagai satu undang-undang yang pasti datang daripada Allah melalui Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam.

3. Sesuai untuk setiap tempat dan zaman

Undang-undang Islam adalah satu-satunya undang-undang yang tepat dan sesuai untuk setiap tempat, bangsa, negara dan zaman. Agama Islam adalah agama untuk seluruh manusia tanpa mengira latar belakang bangsa atau budaya. Allah berfirman:

Terjemahan: Dan kami tidak mengutuskan kamu melainkan kepada umat manusia seluruhnya sebagai pembawa berita gembira dan sebagai pemberi peringatan.

(Surah Saba': 28)

Walau pun manusia berbeza dari segi budaya, adat resam, kecenderungan dan tradisi, namun mereka tetap mempunyai fitrah yang sama sebagai manusia. Undang-undang Islam yang dicipta oleh Allah amat sesuai dengan fitrah atau naluri semulajadi manusia. Menolak perundangan Islam bererti menolak peraturan yang sesuai dengan naluri manusia.

Contohnya, Islam tidak membenarkan hubungan sejenis seperti lesbian dan homoseks. Walau pun ada negara tertentu yang mengiktiraf hubungan ini, ia tetap dianggap haram disisi undang-undang Islam kerana hubungan itu bertentangan dengan fitrah setiap manusia termasuk manusia yang tinggal di negara tersebut.

Undang-undang Islam juga sesuai untuk setiap zaman. Walau pun ilmu, budaya, sains, teknologi dan maklumat sentiasa berkembang dan berubah-ubah namun undang-undang Islam tetap sesuai hingga hari ini dan hingga hari kiamat. Pada dasarnya syariat Islam tidak perlu mengalami perubahan akibat peredaran zaman kerana Allah telah mencipta undang-undang Islam yang sememangnya sesuai untuk setiap masa. Sebagai contoh, pengharaman riba, merupakan hukum yang kekal sepanjang zaman walau pun dunia perniagaan dan ekonomi hari ini jauh berbeza dengan realiti pada zaman Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam.

Pengharaman ini berasaskan konsep untuk mengelakkan penindasan golongan kaya ke atas golongan yang miskin. Ada yang berpandangan bahawa pengharaman riba akan menjejaskan aktiviti ekonomi dan perbankan. Bahkan ada yang berpendapat bahawa ia merupakan kemestian dalam sistem kewangan hari ini. Dakwaan berkenaan adalah amat meleset, kerana walau pun tanpa riba aktiviti perbankan, pelaburan dan

kewangan tetap boleh berjalan dengan lancar menggunakan kaedah lain yang halal seperti pelaburan, perkongsian, syarikat, jual beli dan lain-lain menggunakan istilah urusan Islam seperti *mudharabah*, *musyarakah*, *bai' bi thaman ajil*, dan seumpamanya. Bahkan urusan tanpa riba ini lebih digemari kerana ia bersifat telus, tidak menindas dan meyakinkan.

Undang-undang Islam adalah undang-undang yang sesuai untuk setiap tempat, bangsa dan zaman kerana sifatnya yang fleksibel atau anjal (*murunah*) dan wujud keseimbangan antara hukum yang tetap dan hukum yang dinamik. Dalam syariat Islam terdapat peraturan yang tetap iaitu tidak boleh berubah (*thabat*), dan terdapat juga peraturan yang dinamik (*tatawwur*) iaitu boleh disesuaikan mengikut keperluan zaman dan tempat. Ibnu Qayyim membahagikan hukum-hukum syariah kepada dua bahagian:

- a. Peraturan yang tetap iaitu tidak menerima perubahan.
- b. Peraturan yang dinamik iaitu boleh menerima perbezaan dan perubahan.

Peraturan yang tetap adalah bagi hukum yang berasaskan dalil yang muktamad (*qat'iy*). Dalil yang muktamad adalah dalil berasaskan sumber yang jelas seperti al-Quran dan Hadith Mutawatir dan berasaskan penghujahan yang jelas. Contohnya hukum pengharaman judi berasaskan sumber yang jelas iaitu

al-Quran dan penghujahannya juga jelas iaitu tiada sebarang keraguan atau percanggahan dengan dalil lain.

Contoh hukum-hukum lain yang termasuk kategori pertama ini adalah hukum yang berkaitan ibadat seperti kewajipan solat, hukum hudud seperti hukum potong tangan ke atas pencuri, hukuman qisas ke atas pembunuh, pengharaman zina, arak, pengharaman riba dan lain-lain. Termasuk juga dalam kategori hukum yang tetap ialah matlamat dan prinsip umum syariah seperti penjagaan masalah, kaedah-kaedah umum fekah, prinsip keadilan, syura dan lain-lain. Hukum-hukum dalam kategori ini tidak boleh berubah walau pun berlaku perubahan zaman dan tempat.

Peraturan yang dinamik pula boleh disesuaikan mengikut perkembangan zaman dan suasana. Peraturan ini bagi perkara-perkara yang tidak tertakluk kepada dalil yang muktamad. Para ulama' boleh berijtihad dalam ruang lingkup matlamat umum syariah, kaedah-kaedah fekah dan dalil-dalil umum yang berkaitan. Ijtihad yang dibuat oleh para ulama boleh mengambil kira perkembangan zaman, perbezaan masyarakat, dan keperluan semasa. Contohnya dalam soal perniagaan, Islam hanya menggariskan beberapa prinsip umum seperti tanggungjawab untuk memenuhi janji, serta pengharaman riba dan penindasan. Seseorang boleh menjalankan apa sahaja bentuk perniagaan selama mana tidak bercanggah dengan

prinsip-prinsip umum tadi. Contoh lain adalah seperti penetapan hukuman bagi kesalahan ta'zir, bentuk syura, kaedah-kaedah perubatan dan lain-lain.

Secara keseluruhannya terdapat dua jenis bidang syariah iaitu bidang yang dihuraikan secara umum (*kulli*) dan bidang yang dihuraikan secara terperinci (*tafsili*). Bidang hukum yang terperinci bermaksud bidang yang terdapat hukum yang disebut secara terperinci seperti hukum berkaitan penentuan fara'id atau pewarisan yang dihuraikan dengan terperinci dalam al-Quran. Begitu juga hukum berkaitan ibadat, hukuman hudud, perkahwinan dan perceraian dihuraikan dengan terperinci dalam al-Quran dan Sunnah. Dalam bidang ini tidak terdapat banyak hukum yang berubah.

Sementara bidang hukum yang umum pula bermaksud bidang yang hanya mempunyai panduan dan prinsip-prinsip umum sahaja dan tidak ada perincian. Contohnya bidang perniagaan, politik, pengurusan ekonomi, kebudayaan, kesenian, hartanah, perubatan dan pembinaan. Dalam bidang inilah terdapat banyak ruang untuk berijtihad berasaskan prinsip-prinsip umum syariah. Ijtihad yang dilakukan oleh ulama ini menjadikan syariah sentiasa sesuai untuk setiap zaman dan tempat.

4. Menyeluruh, teratur dan saling sempurna-menyempurnai

Perundangan Islam adalah perundangan yang menyeluruh atau syumul. Yusuf al-Qaradawi (1998) menyebut bahawa undang-undang Islam mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia iaitu:

- a. Hukum ibadah iaitu hubungan antara hamba dengan Tuhannya. Masalah ini dijelaskan dalam hukum fekah yang terdiri daripada bab bersuci, sembahyang, puasa, haji, nazar, berkorban, sumpah dan lain-lain.
- b. Hukum kekeluargaan seperti nikah, talak, nafkah, wasiat, waris, tanggung jawab suami dan isteri dan seumpamanya.
- c. Hukum mu'amalah atau urusanniaga seperti jual beli, gadaian, pinjaman, pelaburan, perkongsian, syarikat, dan lain-lain.
- d. Bidang ekonomi seperti pembangunan ekonomi, percukaian, pendapatan negara, perbelanjaan negara, pengurusan institusi kewangan (*baitul mal*), pengurusan zakat, harta rampasan perang, peraturan hartanah, pajakan dan lain-lain. Serta perkara yang dilarang oleh Allah seperti riba, monopoli, perjudian dan perampasan hak.
- e. Bidang hukuman jenayah seperti hukum hudud, qisas dan ta'zir.

- f. Undang-undang prosedur atau tatacara hukuman seperti pendakwaan, pembuktian, penahanan dan etika mahkamah.
- g. Bidang pentadbiran dan politik seperti kewajipan memilih pemimpin, kalayakan, cara pemilihan, hak dan kewajipan pemimpin, hubungannya dengan rakyat, hak rakyat dan hukum mentaati pemimpin.
- h. Hubungan antarabangsa seperti hubungan negara Islam dengan negara-negara lain, peraturan peperangan, etika peperangan dan lain-lain.

Di samping menyeluruh undang-undang Islam juga mempunyai sifat *tasanuq* atau teratur dan *takamul* atau saling lengkap melengkapi. Ini bermakna sistem Islam yang luas dan menyeluruh ini mempunyai susunan yang sempurna dan hubungan yang lengkap melengkapi antara satu sama lain. Keindahan dan kehebatan syariah akan terpancar apabila ia dilaksanakan dengan sempurna dan menyeluruh, bukan sekadar mengambil sebahagian daripadanya sahaja. Setiap satu bidang hukum mempunyai kaitan dengan bidang hukum yang lain.

Contohnya berkaitan kedudukan hak wanita dan lelaki. Dalam menilai keadilan Islam, kita perlu melihat kedudukan wanita dan lelaki ini dalam semua aspek hukum samada dalam soal undang-undang pewarisan, undang-undang keluarga dan lain-

lain. Dalam undang-undang pewarisan, seorang anak perempuan berhak keatas harta peninggalan bapanya pada kadar separuh daripada hak seorang anak lelaki. Sekali pandang, hukum ini seolah-oleh menyebelahi lelaki dan mengabaikan hak wanita. Namun, hukum dalam bab pewarisan ini perlu dilihat bersama-sama dengan hukum dalam bab nafkah dan mahar perkahwinan iaitu seseorang lelaki mempunyai tanggungjawab yang amat besar untuk menanggung nafkah keluarga termasuk isteri dan anak-anak. Seorang isteri walau pun bekerja dan mempunyai harta yang banyak tidak mempunyai tanggungjawab untuk memberikan nafkah keluarga. Seorang suami tidak boleh menuntut hak daripada harta isterinya, sebaliknya seorang isteri mempunyai hak untuk menuntut nafkah untuk dirinya dan anak-anak daripada suaminya. Dalam bab mahar perkahwinan pula, seorang lelaki yang berkahwin mesti membayar sejumlah mahar yang ditentukan atau berdasarkan kebiasaan. Wanita yang berkahwin tidak perlu membuat apa-apa bentuk bayaran kepada lelaki yang dikahwininya.

Dalam undang-undang jenayah pula, kita perlu melihat bukan dari aspek hukuman sahaja, bahkan juga perlu melihat aspek pencegahan dan prosedurnya. Umpamanya, Islam mengenakan hukuman 100 kali sebatan atau hukuman rejam ke atas pelaku zina. Pada zahirnya, hukuman ini kelihatan berat. Namun kita juga perlu melihat bahawa Islam bukan sahaja melarang zina

bahkan juga melarang perbuatan yang membawa kepada zina. Bahkan Islam mensyariatkan hukum menutup aurat, pengharaman gambar atau bahan lucah, bahkan sebarang sebarang perbuatan yang boleh mendorong zina bagi mengelakkan berlakunya zina. Kesalahan zina, adalah kemuncak kepada kesalahan-kesalahan seks yang sedia diharamkan oleh Islam. Dalam bab prosedurnya pula, walau pun hukumannya berat, namun untuk mensabitkan seseorang dengan kesalahan zina di bawah hukum hudud, bukan satu perkara yang mudah. Orang yang mengemukakan tuduhan perlu mengemukakan empat orang saksi yang melihat dengan jelas perbuatan itu dilakukan. Jika orang yang menuduh itu gagal membawa empat orang saksi, maka dia boleh dikaitkan pula dengan kesalahan *qazaf* atau membuat tuduhan palsu.

5. Mempunyai hubungan langsung dengan aqidah

Undang-undang Islam atau syariah tidak terpisah daripada soal ketuhanan atau aqidah. Bahkan syariah sebenarnya adalah salah satu daripada tiga komponen Islam iaitu aqidah, syariah dan akhlak. Setiap satu komponen mempunyai pertalian erat antara satu sama lain. Aqidah ibarat akar pokok yang menjadi asas kepada agama, syariat ibarat batang, dahan dan ranting-rantingnya yang menzahirkan bentuk pokok, dan akhlak pula ibarat daun yang mencantikkan pokok serta buah yang

memberikan manfaat kepada orang ramai. Keagungan dan keindahan Islam akan tercalar jika ketiga-tiga komponen ini tidak bercantum dan seimbang.

Aqidah merupakan tunjang kekuatan Islam termasuk undang-undangnya. Kepatuhan kepada undang-undang Islam berasaskan kepada kepercayaan bahawa ia adalah perintah Allah. Seseorang pemerintah terdorong untuk melaksanakan undang-undang Islam dengan lengkap atas dasar keyakinannya bahawa ia adalah perintah daripada Allah. Pemerintah berkenaan akan terus berpegang di atas prinsip-prinsip Islam seperti keadilan, syura, kebebasan bersuara, keprinhatinan kepada rakyat dan lian-lain di atas dasar keimanan kepada Allah, Rasul dan hari akhirat. Mereka akan terus berpegang dengan prinsip tadi walau pun prinsip itu mungkin tidak menguntungkannya secara peribadi.

Seseorang rakyat pula akan mematuhi undang-undang negara yang berteraskan Islam di atas dasar kepatuhan kepada Allah SWT. Dengan aqidah yang kuat seseorang itu akan dapat mengawal nafsunya dan lebih berhati-hati dalam amalannya agar tidak melanggar undang-undang Islam. Secara tidak langsung, berlaku penguatkuasaan undang-undang dalam dirinya sendiri (Abdullah Nasih, 1989:71). Sebagai contohnya, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam berjaya menghapuskan budaya ketagihan arak di kalangan masyarakat Arab melalui

pengharaman arak. Apabila ayat berkaitan pengharaman arak secara mutlak diturunkan, mereka terus akur dan berhenti. Keadaan ini jauh berbeza dengan cubaan kerajaan Amerika Syarikat yang mahu mengharamkan arak pada tahun 1920-an. Merka mengeluarkan belanja lebih USD\$60 juta untuk mencetak 10 billion risalah, membelanjakan USD\$250 juta untuk menguatkuasaan, menghukum mati hampir 300 orang, memenjarakan lebih 500 ribu orang serta merampas barangan bernilai lebih USD\$400 juta dalam usaha untuk membanteras ketagihan arak. Usaha yang begitu besar ini sia-sia kerana rakyat Amerika Syarikat bukan sahaja tidak berhenti meminum arak, bahkan bertindak memberontak mahukan kebebasan meminum arak. Akhirnya kerajaan Amerika Syarikat terpaksa membenarkan kembali perniagaan dan peminuman arak (Abdullah Nasih, 1989:72).

6. Mempunyai hubungan langsung dengan akhlak

Undang-undang Islam tidak terpisah daripada prinsip akhlak. Bahkan peraturan undang-undang Islam adalah kesinambungan daripada prinsip-prinsip akhlak dalam ajaran Islam. Ini bermakna, dalam undang-undang Islam, nilai-nilai murni bukan sahaja digalakkan bahkan juga boleh dikuatkuasakan dalam keadaan tertentu. Dalam peraturan peperangan misalnya, Islam melarang perbuatan tidak berakhlak seperti mencincang mayat musuh, menyerang rumah

ibadat, mencederakan golongan tua, wanita dan kanak-kanak, meruntuhkan bangunan dan merosakkan tumbuh-tumbuhan.

Dalam soal pergaulan pula, Islam melarang perbuatan zina samada dilakukan secara paksa (rogol) atau secara sukarela. Bahkan percampuran antara lelaki dan wanita juga dipautau melalui prinsip aurat dan batasan pergaulan. Undang-undang Islam juga menggesa agar manusia bersikap baik kepada binatang. Undang-undang Islam melarang perbuatan menyiksa binatang, terlalu membebankan binatang kenderaan, menyembelih dengan pisau tumpul, melagakan haiwan, dan memukulnya tanpa sebab.

Dari sudut hukuman pula undang-undang mengenakan hukuman-hukuman yang bersifat kebajikan dan akhlak seperti kafarah dengan memberi makan kepada orang miskin, berpuasa, memerdekakan hamba dan lain-lain. Terdapat juga hukum yang berkaitan hak-hak jiran dan orang ramai dalam undang-undang tanah dan hak anak yatim dalam pengurusan harta. Semua prinsip ini berasaskan akhlak Islam yang mulia.

7. Mudah

Undang-undang Islam juga bersifat mudah dan amat sesuai dengan kemampuan manusia. Dalam peraturan Islam terdapat ruang-ruang yang bertujuan untuk memberikan kemudahan

apabila berlaku kesempitan. Bahkan tujuan hukum Islam adalah untuk memudahkan manusia bukan untuk menyusahkan. Allah berfirman:

Terjemahan: *Allah menghendaki bagimu kemudahan, dan tidak menghendaki bagimu kesulitan. (Surah al-Baqarah 2 : 185)*

Terjemahan: *Dan Dia tidak menjadikan ke atas kamu dalam agama, suatu kesulitan. (Surah al-Hajj 22: 78)*

Terjemahan: *Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya. (Surah al--Baqarah: 286)*

Terdapat banyak hukum yang menggambarkan kemudahan dan kelonggaran perundangan Islam, antaranya:

- a. Tidak diwajibkan qada sembahyang bagi yang meninggalkannya kerana datang haid, kerana jika diwajibkan akan membebankan wanita yang biasanya akan mengalaminya tiap-tiap bulan. Berbeza dengan puasa yang hanya diwajibkan sebulan dalam setahun.
- b. Orang sakit boleh berbuka puasa, bertayammum untuk bersuci dan bersembahyang secara duduk, baring atau gerakan mata mengikut kemampuan.

- c. Orang yang dalam musafir atau perjalanan boleh meng*qasarkan* (memendekkan) dan menjama'kan (menggabungkan) sembahyang.
- d. Orang yang berada di atas perahu boleh bersembahyang secara duduk.
- e. Keadaan darurat membolehkan seseorang melakukan sesuatu yang asalnya haram seperti boleh memakan daging haram dalam keadaan darurat iaitu tiada makanan halal untuk terus hidup.

BAB 4:

PERBANDINGAN DENGAN UNDANG-UNDANG BARAT

Perundangan Barat pada dasarnya berasaskan pemikiran manusia. Walau pun sejarah menunjukkan bahawa sebahagian daripada asas perundangan barat divedok dari tamadun Islam namun terasnya adalah logik akal semata-mata. Berikut adalah beberapa ciri-ciri undang-undang Barat berbanding dengan undang-undang Islam:

- 1. Perundangan Barat berdasarkan fikiran manusia berbanding undang-undang Islam yang datang dari Allah yang Maha Bijaksana.**

Undang-undang Barat tidak berasaskan mana-mana agama baik Kristian, agama Yahudi atau sebagainya, sebaliknya ia

berasaskan fikiran manusia semata-mata. Agama Kristian bukan satu cara hidup sebagaimana Islam. Agama ini hanya menyentuh soal ibadat, kekeluargaan dan moral. Lebih malang lagi agama ini telah banyak diubah mengikut keinginan dan kepentingan golongan gereja. Oleh yang demikian perundangan Barat berasaskan fikiran manusia yang amat lemah berbanding dengan Tuhan Yang Maha Berkuasa. Manusia yang dijadikan oleh Tuhan tentunya tidak mampu membuat undang-undang yang lebih baik daripada Pencitanya sendiri. Walau pun sehebat mana sekalipun fikiran manusia, ia tetap mempunyai kelemahan antaranya:

- i. Kemampuan fikiran manusia untuk mengingat adalah terhad, dan kadang-kadang manusia lupa apa yang telah diingat.
- ii. Manusia tidak mengetahui perkara yang akan berlaku pada masa akan datang dan benda-benda ghaib.
- iii. Kemampuan fikiran untuk menerima terlalu banyak maklumat juga terhad.
- iv. Pertimbangan akal manusia juga terdedah kepada hawa nafsu.
- v. Manusia juga tidak mampu memahami dengan tepat naluri manusia sendiri.
- vi. Pancaindera manusia seperti kemampuan melihat, mendengar, mencium dan merasa adalah terhad.

Oleh kerana had-had di atas manusia tentunya tidak mampu membuat undang-undang yang sempurna sebagaimana undang-undang yang dicipta oleh Tuhan. Undang-undang yang dicipta oleh manusia tidak mampu menangani masalah manusia dan sentiasa berubah-ubah mengikut keinginan semasa dan tempat.

2. Perundangan Barat tiada hubungan dengan kerohanian dan akhlak sebagaimana perundangan Islam.

Berbeza dengan undang-undang Islam undang-undang Barat tiada kaitan dengan unsure kerohanian. Seseorang yang mematuhi undang-undang, hanya melakukan kerana takutkan tindakan penguatkuasa atau hukuman mahkamah. Tiada sebarang pertimbangan berkaitan dengan dosa atau pahala. Jika mereka meyakini bahawa mereka boleh terlepas daripada tindakan undang-undang, mereka tidak teragak-agak untuk melanggar undang-undang tersebut.

Sewaktu undang-undang dibuat, soal kerohanian dan akhlak tidak diambil kira. Pertimbangan utama adalah dari sudut materialisme. Undang-undang Barat tidak mengambil berat soal berkaitan perlakuan tidak sopan, murtad, hubungan kejiranan, soal ibadat, kedudukan anak yatim, hubungan seks bebas, pendedahan aurat dan seumpamanya. Bahkan mereka

menganggap masalah ini adalah sesuatu yang bersifat peribadi dan tidak boleh diganggu oleh pemerintah.

- 3. Perundangan Barat tidak mempunyai prinsip-prinsip umum yang tidak boleh berubah bagi menjamin keadilan dan kebebasan, sebagaimana yang ada pada perundangan Islam.**

Undang-undang Islam mempunyai beberapa prinsip asas dalam semua bidang hukum. Prinsip-prinsip ini tidak boleh berubah sampai bila-bila. Prinsip yang kekal begini tidak ada dalam undang-undang Barat. Walau pun mereka mencipta hak-hak asasi, konsep keadilan semulajadi dan doktrin asas kenegaraan, namun ia masih tertakluk kepada perubahan apabila dikehendaki oleh pemimpin mereka. Walau pun kebanyakan negara mempunyai perlembagaan yang mengawal prinsip umum negara, namun pemerintah juga mempunyai kuasa untuk meminda prinsip tersebut melalui pindaan perlembagaan. Keadaan ini berbeza dengan prinsip asas dalam undang-undang Islam yang tidak boleh berubah sampai bila-bila.

BAB 5

SUMBER UNDANG-UNDANG ISLAM

Sumber Undang-undang Islam bermaksud dasar atau asas kepada hukum Islam. Pada asasnya hukum Islam adalah bersumberkan dari Allah. Allah telah memberi wahyu kepada Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam untuk disampaikan kepada seluruh manusia. Wahyu dari Allah terbahagi kepada dua bentuk utama iaitu Al Quran dan Sunnah. Oleh yang demikian Al Quran dan Sunnah adalah sumber utama dan terpenting kepada undang-undang Islam.

Namun begitu terdapat juga sumber yang lain berasaskan ijtihad. Ijtihad bermaksud satu keadah mendapatkan hukum menggunakan fikiran iaitu melalui penelitian yang mendalam serta menyeluruh ke atas dalil-dalil yang terdapat pada al-Quran dan al-Sunnah serta dengan melihat kepada matlamat Syariat secara keseluruhannya. Ijtihad hanya dilakukan dalam

perkara yang tidak ada nas yang jelas dalam al-Quran dan al-Sunnah.

Jika perkara yang diijtihadkan itu disepakati oleh semua ulama dalam satu-satu zaman, maka ia dikenali sebagai ijma'. Ijma' menjadi sumber ketiga terpenting selepas al-Quran dan al-Sunnah. Sementara Qiyas pula adalah salah satu bentuk ijtihad dengan membuat menyamakan hukum sesuatu perkara yang tiada dalam nas dengan hukum bagi perkara yang lain yang ada dalam nas kerana terdapat persamaan tertentu. Ijma' dan Qiyas ini dianggap sebagai dua sumber perundangan yang disepakati oleh para ulama di samping al-Quran dan al-Sunnah. Sementara itu terdapat juga sumber-sumber yang tidak disepakati oleh para ulama seperti *Istihsa*, *Masalih Mursalah*, 'Uruf atau adat kebiasaan, *Qaul Sahabi* atau pendapat sahabat, *Syar'u man qablana* atau Syariat kaum terdahulu, *Istishab al-asli*, *Sad al-zara'i*, *A'mal ahl al-Madinah* atau amalan penduduk Madinah.

Berikut dibincangkan sumber-sumber perundangan Islam yang disepakati oleh para ulama iaitu al-Quran, al-Sunnah, ijma' dan qiyas.

Pertama: Al Quran

Al Quran ditakrifkan sebagai Kalam Allah yang diturunkan ke atas Nabi Muhammad SAW dalam bahasa Arab, sebagai satu mukjizat, ditulis di dalam mashaf, disampaikan dari generasi ke generasi secara *mutawatir*, membacanya dikira ibadat, bermula dengan surah al-Fatihah dan berakhir dengan surah al-Nas (al-Zuhaili: 1986: 421).

Al Quran mempunyai beberapa ciri khusus yang membezakan dari kitab dan sumber perundangan lain. Di antaranya:

1. Al-Quran ialah kalam Allah iaitu makna dan lafaznya adalah dari Allah. Ia berbeza dengan Sunnah kerana lafaz Sunnah adalah dari Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam walaupun maknanya datang dari Allah. Perkara ini terbukti melalui kehebatan Al-Quran yang tidak dapat ditandingi dari sudut keindahan bahasa, susunan ayat, penggunaan perkataan dan *balaghah*. Tidak ada makhluk yang mampu menandingi keindahan bahasa al-Quran. Bahkan di dalam al-Quran terdapat perkhabaran tentang perkara ghaib dan hari akhirat yang tidak mampu diungkap oleh manusia tanpa wahyu Allah.
2. Keseluruhan kandungan al-Quran dalam bahasa Arab. Ini membezakan dengan kitab samawi lain.² Terjemahan Al-

² Perkara ini dijelaskan dalam ayat Surah al-Syu'ara' (192-195)

Quran tidak boleh dinamakan al-Quran dan tidak boleh menjadi sandaran hukum hakam (al-Zuhaili, 1986: 423).³

3. Al Quran dipindahkan atau disampaikan dari generasi ke generasi tanpa terputus secara *mutawatir*. *Mutawatir* bermaksud ia dipindahkan dengan lafaz dan bentuk yang sama oleh jumlah yang ramai pada tiap generasi sehingga mustahil berku pemindaan, pengubahan atau penyelewengan. Ini bermakna al-Quran yang ada pada hari ini adalah sama keseluruhannya dengan al-Quran yang diturunkan oleh Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Allah juga menjamin bahawa al-Quran akan kekal abadi tanpa sebarang perubahan, penambahan atau pengurangan sehingga hari kiamat.
4. Membaca al-Quran adalah ibadah sama ada di dalam sembahyang atau di luar sembahyang.
5. Al-Quran adalah satu kitab menyeluruh (syamil) serta sesuai untuk semua bangsa, kaum dan pada semua zaman.

Al Quran diturunkan kepada Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam secara beransur-ansur selama 23 tahun. Oleh yang demikian terdapat ayat yang dikenali sebagai ayat Makki iaitu ayat yang diturunkan sebelum berlaku Hijrah ke Madinah dan terdapat ayat Madani iaitu ayat yang diturunkan selepas peristiwa Hijrah. Ayat-ayat Makki yang diturunkan pada 13 tahun pertama lebih menitikberatkan soal aqidah dan

³ Lihat juga Mohamad Hashim Kamali, *Principles of Islamic Jurisprudence*, Pelanduk Publication, Petaling Jaya, 1289, ms. 17

kebanyakan ayatnya pendek. Manakala ayat-ayat Madani pula lebih menjuruskan tentang hukum hakam, perhubungan sesama manusia dan dasar-dasar keadilan.

Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang menerima wahyu melalui Jibril menghafal ayat-ayat yang diturunkan sebelum disampaikan kepada para sahabat. Sahabat yang mendengar bacaan al-Quran ini akan turut menghafalkannya. Sebahagian dari sahabat seperti ditugaskan untuk menulis al-Quran. Mereka menulisnya di atas pelepah tamar, tulang belulang, kulit binatang, batu leper dan lain-lain. Pada zaman pemerintahan Abu Bakar, beliau mengarahkan usaha pengumpulan al-Quran iaitu penyediaan catatan lengkap al-Quran yang selama ini disimpan oleh para sahabat secara berasingan. Al Quran yang dikumpulkan itu disimpan oleh Abu Bakar. Pada zaman pemerintahan Usman, al-Quran yang dikumpulkan ini disalin semula dalam 4 mushaf dan disebar ke Iraq, Syam dan Mesir bagi menyeragamkan bacaan dan sebutan al-Quran. Satu mushaf diletakkan di Madinah. Sejarah penulisan, pengumpulan dan pembukuan al-Quran ini menunjukkan kesahihan al-Quran sebagai wahyu Ilahi dan sumber perundangan yang tidak boleh dipertikai oleh sesiapa.

Al-Quran adalah sumber perundangan Islam yang terpenting yang wajib dipatuhi oleh umat Islam. Ia menjadi rujukan yang pertama bagi para fuqaha sebelum mereka mencari dalil dari

Sunnah, ijma, qiyas dan sumber-sumber lain. Kepatuhan kepada al-Quran bukan sahaja berkait dengan soal hukum perundangan, bahkan ia berkait rapat dengan soal aqidah iaitu keimanan kepada Allah, Rasul, Kitab dan lain-lain. Mengingkari hukum yang terdapat di dalam al-Quran boleh menjejaskan keimanan seseorang muslim. Allah berfirman:

Terjemahan: Dan hendaklah engkau menjalankan hukum di antara mereka dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah dan janganlah engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka, dan berjaga-jagalah supaya mereka tidak memesongkanmu dari sesuatu hukum yang telah diturunkan oleh Allah kepada kamu.

(Surah al-Ma'idah 5:49)

Kedua : Sunnah Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam

Al-Sunnah yang dimaksudkan di sini adalah segala apa yang disandarkan kepada Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam samada dalam bentuk perkataan, perbuatan, pengakuan atau sifat. Terdapat tiga pembahagian utama Sunnah iaitu Sunnah Qauliyah iaitu setiap perkataan yang dituturkan oleh Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam selain dari Al-Quran, Sunnah Fi'liyyah iaitu perbuatan yang dilakukan oleh Rasulullah

Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan Sunnah Taqririyyah iaitu perkara yang didiamkan oleh Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang menunjukkan bahawa baginda mengizinkannya.

Sunnah juga dibahagikan berdasarkan kekuatan sanadnya. Kekuatan sanad dilihat berdasarkan peribadi dan jumlah orang yang meriwayatkan sunnah itu dari satu generasi ke generasi lain. Kategori yang paling kuat adalah Sunnah Mutawatirah iaitu sunnah yang diriwayatkan oleh jumlah perawi yang ramai sehingga mustahil untuk berlaku penipuan atau kesilapan. Sunnah yang lain adalah Sunnah Ahad iaitu sunnah yang diriwayatkan oleh jumlah perawi yang tidak mencapai jumlah *mutawatir*.

Sunnah mempunyai peranan besar selain dari al-Quran. Ini kerana sebahagian dari prinsip yang terdapat dalam al-Quran perlu perincian dan penjelasan. Bahkan al-Quran sendiri menyuruh umat Islam mematuhi arahan Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam, seperti dalam firmanNya yang bermaksud:

Terjemahan: Maka demi Tuhanmu, mereka tidak dianggap beriman sehingga mereka menjadikan mu (wahai Muhammad) sebagai hakim dalam perkara yang mereka perselisihkan, kemudian, mereka tidak

mendapati di dalam hatinya rasa sempit dari apa yang engkau putuskan dan mereka pasrah sepenuhnya
(Surah al-Nisa' 4:6)

Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam juga pernah menggambarkan tentang wujudnya golongan yang akan menolah Sunnah atau Hadith. Baginda bersabda:

Terjemahan: Tidakkah kamu tahu, sesungguhnya aku telah diberi Kitab (al-Quran) dan sepertinya bersamanya. Ingatlah, hampir datang masanya seorang lelaki yang kenyang di atas kerusi empuk (menolak Sunnah) lantas berkata: Berpegang teguhlah kamu dengan al-Quran sahaja. Apa yang kamu dapati di dalamnya diputuskan halal, maka halalkanlah. Dan apa kamu dapati di dalamnya diputuskan haram, maka haramkanlah.

(Ahmad dan Abi Daud)

Sunnah menjadi sumber yang kedua penting selepas al-Quran. Apa yang terkandung di dalam Sunnah sebenarnya adalah sebahagian dari wahyu yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad. Ini kerana apa yang dicakapkan dan dilakukan oleh Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam adalah wahyu dari Allah. Secara ringkasnya hubungan al-Quran dan Sunnah adalah seperti berikut:

1. Menyokong dan mengukuhkan hujah yang terdapat dalam al-Quran
2. Menghuraikan kandungan al-Quran yang bersifat mujmal (umum). Ini termasuklah menjelaskan secara detail perkara yang disebut dengan ringkas dalam al-Quran. Sunnah juga menghuraikan perkara yang menjadi kemusykilan dalam al-Quran. Di samping itu Sunnah juga mengkhususkan perkara yang disebut secara umum dan mutlak oleh al-Quran.
3. Menerangkan perkara yang tidak disebut dalam al-Quran

Ketiga: Ijma'

Ijma' bermaksud kata sepakat para mujtahid dari kalangan umat nabi Muhammad selepas kewafatan baginda di dalam satu-satu zaman atas hukum syarak yang tertentu.⁴ Ijma akan terbentuk apabila wujud perkara-perkara berikut:

1. Kesepakatan tersebut berlaku di kalangan mujtahid. Mujtahid adalah mereka yang mempunyai kelayakan untuk asas untuk berijtihad iaitu antaranya menguasai Bahasa Arab, menguasai ilmu al-Quran, Sunnah, mengetahui pendapat-pendapat ulama salah, dan mengetahui kaedah istinbat hukum.

⁴ Wahbah al-Zuhaili, *Usul al-Fiqh al-Islami*, ms. 490

2. Kata sepakat itu didapati dari semua mujtahid yang ada pada zaman itu. Jika masih ada yang mempunyai pandangan berbaza maka ia tidak dianggap sebagai ijma'.
3. Kesepakatan itu berlaku selepas wafatnya Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam

Ijma ini dibuat melalui ijtihad ulama yang berlandaskan al-Quran dan Sunnah. Antara hukum yang ditetapkan berasaskan ijma adalah pengharaman lemak babi, warisan 1/6 untuk nenek perempuan, dan hijab cucu lelaki daripada warisan dengan adanya anak lelaki.

Ijma diterima sebagai sumber perundangan Islam yang sah berasaskan beberapa ayat al-Quran, antaranya:

Terjemahan: Dan barangsiapa menentang Rasul sesudah jelas kebenaran baginya dan mengikuti jalan yang bukan orang-orang mukmin, nescaya Kami biarkan dia berleluasa terhadap kekesatan yang telah dikuasainya dan Kami masukkan dia ke dalam neraka jahanam...⁵

(Surah al-Nisa' 4:115)

⁵ Al-Quran Surah al-Nisa:115

Terdapat juga Hadith Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam Sallallahu 'alaihi wa sallam yang mengiktiraf pemakaian ijma' dalam perundangan, seperti hadith berikut:

Terjemahan: Apa yang difikirkan baik oleh umat Islam maka ia di sisi Allah adalah baik

(Bukhari)

Terjemahan: Umatku tidak berkumpul di atas kesesatan

(Muslim)

Terdapat beberapa hukum yang telah berkuatkuasa berasaskan ijma' ulama. Antaranya ijma' berkaitan pengharaman lemak babi, pemberian 1/6 untuk nenek perempuan dalam pembahagian harta pusaka, terlindungnya (hijab) cucu lelaki daripada mendapat harta pusaka kerana terdapat anak lelaki. Tegasnya, ijma' adalah satu sumber hukum dalam Islam selepas al-Quran dan al-Sunnah. Pada zaman teknologi maklumat ini ijma' lebih mudah berlaku kerana wujudnya alat komunikasi yang dapat menyatukan semua mujtahid dalam satu-satu zaman.

Keempat: Al-Qiyas

Qiyas bermaksud menyamakan hukum perkara yang tidak ada nas berkaitan hukumnya dengan peristiwa lain yang ada nas tentang hukumnya kerana persamaan *illat*. Nas merujuk kepada dalil-dalil yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah. *Illat* pula bermaksud satu sifat yang menjadi sebab utama terbitnya hukum itu. Contohnya *illat* bagi pengharaman arak adalah kerana sifat arak yang memabukkan. Oleh yang demikian setiap minuman yang memabukkan seperti tuak, todi dan sebagainya disamakan hukumnya dengan arak iaitu haram.

Qiyas dianggap sebagai sumber perundangan penting selepas al-Quran, al-Sunnah dan Ijma'. Para ulama menerima prinsip qiyas berasaskan dalil berikut:

1. Firman Allah:

Terjemahan: Jika kamu bercanggah pendapat dalam sesuatu perkara, maka kembalilah kepada Allah dan Rasul, jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih baik dan lebih utama bagi kamu.

(Surah al-Nisa'4: 59)

2. Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam telah melakukan qiyas apabila ditanya oleh seorang wanita: Ya Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam, ayahku telah tua dan sakit dan ingin mengerjakan haji tetapi dia tidak mampu. Bolehkah kalau akumenunaikan haji untuknya?, Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam menjawab: Apa pendapat kamu kalau ayahmu hutang, adakah kamu akan menjelaskannya? Wanita itu menjawab: Ya. Lantas Baginda mengatakan: Hutang Allah lebih berhak untuk dibayar. Di sini Baginda telah mengqiyaskan hutang wang sesama manusia dengan hutang kewajiban haji dengan Allah SWT.
3. Mu'az bin Jabal meriwayatkan bahawa ketika Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam ingin mengitusnya ke Yaman, Baginda telah bertanya: Bagaimana kamu hendak menjatuhkan hukuman bila kamu menghadapi sesuatu kes? Jawab Mu'az: Saya menjatuhkan hukuman mengikut Kitab Allah. Jika tidak dijumpai, maka dengan Sunnah Rasulullah dan jika tidak didapati juga,aku berjihad dengan menggunakan pendapatku dan aku tidak lalai. Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam menepuk dadanya dan bersabda: Segala puji bagi Allah yang memberi taufik kepada utusan Rasulullah yang menyenangkan Rasulullah.
4. Perbuatan qiyas oleh sahabat yang melantik Abu Bakar menjadi khalifah dengan alasan bahawa Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam telah melantiknya menjadi imam sembahyang.

Demikianlah hujah-hujah yang menunjukkan bahawa qiyas adalah sebahagian dari sumber perundangan Islam. Ia dianggap sebagai sumber keempat terpenting selepas al-Quran, al-Sunnah, dan al-Ijma'.

Ringkasnya, al-Quran dan al-Sunnah adalah dua sumber yang berbentuk wahyu dari Allah. Kedua-dua sumber ini menjadi sumber yang terpenting dan disepakati oleh semua ulama'. Sementara ijma dan qiyas pula diterima oleh kebanyakan ulama sebagai sumber perundangan.

BAB 6

SISTEM KEHAKIMAN ISLAM

Prinsip kehakiman Islam

Badan kehakiman adalah badan yang tertinggi untuk menguatkuasakan undang-undang serta jika perlu, mentafsirkan undang-undang bagi tujuan menjatuhkan hukuman antara pihak yang bertelingkah. Ia adalah saluran terakhir dalam penyelesaian masalah antara masyarakat. Tugas para ulama dan mufti pada mulanya adalah menyampaikan hukum-hakam Islam kepada manusia. Dengan cara ini manusia dapat melaksanakan hukum tersebut dengan sempurna. Jika terdapat perbezaan pendapat, mereka kembali kepada ketetapan syariat. Tetapi jika sekiranya cita-cita ini tidak

tercapai, sebaliknya mereka melanggar syariat, serta terus bertelingkah serta melanggar hak orang lain, maka menjadi kewajiban kepada pemerintah untuk menguatkuasakan hukum ke atas mereka. Penyelesaian di peringkat awal dibuat berasaskan *sulh* atau timbangtara iaitu usaha untuk mencari kesepakatan melalui orang tengah. Jika cara ini tidak berjaya, kes tersebut akan dirujuk kepada badan yang berkuasa untuk menjatuhkan hukuman secara muktamad iaitu badan kehakiman.

Sehubungan dengan itu, sebahagian ulama mentakrifkan *al-qadha* atau kehakiman itu sebagai ‘memperjelas hukum syarak secara mengikat’. Dr. Abdul Karim Zaidan pula mentakrifkan kehakiman sebagai ‘menghukum antara beberapa pihak yang bertelingkah dengan menggunakan undang-undang Islam dengan kaedah yang tertentu (Abdul Karim, 1995: 6). Peranan hakim berbeza dengan peranan mufti kerana fatwa yang dikeluarkan oleh mufti tidak mengikat pihak yang meminta fatwa manakala hukuman yang dijatuhkan oleh hakim adalah mengikat yang wajib dipatuhi oleh pihak yang dikenakan hukuman.

Kewujudan institusi kehakiman ini adalah dituntut dalam Islam. Allah berfirman:

Terjemahan: *Hendaklah kamu menghukumkan antara mereka dengan undang-undang yang diturunkan oleh Allah*

(Surah al-Ma'idah : 49)

Bahkan dalam Islam institusi kehakiman dan hakim diletakkan pada kedudukan yang tinggi. Ia mempunyai bidangkuasa yang luas dan tidak boleh diganggu dalam menjalankan tugas. Malah, pemerintah sekalipun tertakluk kepada mahkamah dan boleh dijatuhi hukuman. Peranan hakim ini diyakini kerana mereka bertanggungjawab kepada Allah dalam melaksanakan tugas yang amat berat itu.

Tugas terpenting institusi kehakiman adalah untuk menegakkan keadilan. Keadilan bermaksud meletakkan sesuatu sesuai pada tempatnya. Keadilan dijalankan dengan melaksanakan undang-undang secara sempurna dengan mengambilkira fakta-fakta kes. Islam mengkehendaki keadilan ditegakkan tanpa mengira warna kulit, bangsa, agama, kerabat, fahaman dan hubungan sosial. Firman Allah:

Terjemahan: *Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum atas manusia, Allah menyuruh kamu menghukum dengan adilnya*

(*Surah al-Nisa' : 58*)

Sejarah awal Islam menunjukkan bahawa Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam adalah hakim tertinggi umat Islam. Pada masa itu baginda menjadi rujukan segala masalah dan baginda menyelesaikan kesulitan yang dihadapi oleh rakyat dengan menamatkan persengketaan dan perselisihan diantara mereka. Apabila Islam telah berkembang dengan pembukaan negara-negara Islam baru, maka masalah dan urusan semakin bertambah. Demi menjaga masalah, baginda melantik wakil-wakil yang terdiri daripada para sahabat untuk mengendalikan kes yang berlaku di wilayah-wilayah yang jauh dari kota Madinah. Antaranya adalah pelantikan Muaz bin Jabal di Yaman. Walau pun demikian, baginda tetap menjadi hakim tertinggi dan tempat rujukan keadilan yang terakhir (Mahmud, 1991: 4). Demikian juga pada zaman khulafa' al-Rasyidin, para khalifah menjalankan tugas sebagai hakim tertinggi di samping hakim-hakim lain yang bertugas di Madinah dan di luar Madinah. Walau pun para Khulafa al-Rasyidin menjadi hakim tertinggi mereka tidak terlepas dari pengadilan dan hukuman dari hakim lain. Bahkan terdapat kes yang diputuskan oleh hakim yang tidak menyebelahi mereka.

Selepas berkembangannya kerajaan Islam dan berlaku perubahan kepimpinan serta suasana, maka di zaman pemerintahan Bani Umayyah dan Abasiyyah berlakulah

pemisahan kuasa antara kuasa pemerintahan atau eksekutif dan kuasa kehakiman. Walau pun para khalifah tidak lagi menjadi ketua hakim, mereka tetap mempunyai tanggungjawab dalam menjaga dan mendokong institusi kehakiman dalam menjalankan tugas menegakkan kebenaran dan keadilan.

Pelantikan hakim

Pada dasarnya para hakim terutamanya ketua hakim dilantik oleh khalifah atau pemimpin tertinggi sesebuah negara. Di samping itu, hakim juga boleh dilantik oleh sesiapa yang diberi kuasa oleh pemerintah untuk melantiknya. Rakyat tidak boleh melantik hakim tanpa bidangkuasa yang ditentukan oleh pemerintah. Ini kerana hanya keputusan hakim yang dilantik oleh pemerintah sahaja yang sah dan berkuatkuasa. Ini kerana hakim berperanan untuk menyelesaikan pertikaian. Jika terdapat dua institusi kehakiman, pertikaian tidak dapat diselesaikan kerana masing-masing mungkin akan memberikan keputusan berbeza.

Pelantikan hakim boleh dibuat oleh pemerintah yang sah dalam sesebuah negara Islam. Walau pun mereka dilantik oleh pemerintah, mereka tidak boleh tunduk kepada pemerintah dalam membuat penghakiman. Ini kerana mereka juga adalah bertanggungjawab kepada Allah dan rakyat. Hakim ini perlu membuat keputusan dengan bebas tanpa campurtangan

pemerintah. Bahkan hakim boleh membuat keputusan atau hukuman yang bertentangan dengan kepentingan pemerintah, baik dalam masalah sivil mahu pun dalaam urusan jenayah.

Pemerintah yang melantik hakim mempunyai tanggungjawab untuk memastikan hakim yang dilantik itu benar-benar mempunyai kelayakan, kewibawaan dan amanah. Jika hakaim yang dilantik tidak memenuhi syarat kelayakan, kesannya kepada pentadbiran keadilan adalah amat besar. Jika berlaku penyelewengan dan ketidakadilan berpunca dari hakim yang yang tidak layak, maka pemerintah akan turut sama menanggung dosa ketidakadilan tersebut.

Syarat-syarat kelayakan hakim

Jawatan hakim adalah satu jawatan yang sangat penting dan berpengaruh. Ia berperanan untuk mempertahankan kedaulatan undang-undang di samping menegakkan kebenaran dan keadilan. Mereka yang dilantik sebagai hakim akan menghadapi cabaran yang sangat besar. Jika dia terpesong sedikit dari prinsip keadilan, dia akan menghadapi balasan di hari akhirat. Sebaliknya, jika dia menghukum secara adil dan saksama, dia mungkin dimusuhi oleh mereka yang mempunyai kuasa dan pengaruh dalam masyarakat (Abdur Rahman,1984:12). Oleh yang demikian Islam mengenakan

syarat yang tinggi untuk menjawat jawatan sebagai hakim. Antara syarat kelayakan hakim adalah:

1. Islam. Kebanyakan ulama berpendapat bahawa orang kafir tidak boleh menjadi hakim secara mutlak termasuk dalam kes yang melibatkan sesama bukan Islam. Sebahagian ulama terutamanya dari golongan Hanafi mengharuskan pelantikan orang bukan Islam untuk membicarakan kes-kes yang berlaku dan berhubung dengan orang bukan Islam (al-Mawardi, 1996:72-73). Terdapat ulama' mutakhir seperti Muhammad Salam Madkhur yang mengharuskan lantikan orang bukan Islam sebagai hakim bagi orang Islam (Muhamad Salam,1964:12).
2. Baligh. Kanak-kanak yang belum baligh tidak layak menjawat jawatan hakim.
3. Berakal. Berakal yang dimaksudkan di sini adalah tamyiz, cerdik iaitu tidak bodoh atau pelupa, dan dapat menyelesaikan masalah walau pun rumit (al-Mawardi, 1996:73).
4. Merdeka, iaitu bukan hamba.
5. Adil. Menurut pandangan fuqaha', adil bermaksud tidak melakukan dosa-dosa besar, tidak mengekalkan dosa-dosa kecil, serta menjauhkan diri dari sesuatu yang boleh menjejaskan maruah (Abdul Karim,1995:28). Adil juga bermaksud meletakkan sesuatu sesuai pada tempatnya, tanpa dipengaruhi oleh perasaan.

6. Mujtahid. Golongan Syafie, Hambali dan Maliki mensyaratkan seseorang yang dilantik menjadi hakim hendaklah berkeahlian dalam bidang hukum syarak atau bertaraf mujtahid. Ini kerana hakim berperanan untuk membuat keputusan berasaskan ilmu. Oleh yang demikian seseorang hakim perlu menguasai ilmu-ilmu al-Quran, sunnah, qiyas serta mengetahui pendapat-pendapat ulama' salam dalam perkara yang diijmakkan. Fuqaha dalam mazhab Hanafi pula mengatakan bahawa kemampuan ijtihad adalah syarat kesempurnaan lantikan sahaja. Ini kerana hakim boleh merujuk kepada fatwa-fatwa ulama dalam membuat keputusan. Pada zaman ini, amat sukar untuk mendapatkan mujtahid, oleh yang pelantikan *muqallid* (orang yang melakukan taqlid) adalah dibenarkan di atas dasar darurat bagi mengelakkan kerosakan yang lebih besar.
7. Lelaki. Menurut kebanyakan ulama iaitu dari mazhab Syafie, Maliki dan Hambali, tidak sah melantik perempuan sebagai hakim. Pendapat ini berasaskan hadis Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang mengatakan bahawa sesuatu kaum itu tidak akan berjaya jika urusan mereka diserahkan kepada wanita. Menurut pendapat Imam Abu Hanifah pula, wanita boleh menjadi hakim dalam kes-kes yang mereka boleh menjadi saksi iaitu semua kes selain dari kes-kes hudud dan qisas. Al-Imam Ibnu Jarir al-Tabari dan Ibn Hazm al-Zahiri pula berpendapat bahawa lelaki tidak

- menjadi syarat kepada syarat pelantikan hakim. Ini bermakna wanita boleh menjadi hakim dalam semua kes.
8. Sempurna pancaindera, iaitu tidak pekak, bisu atau buta.

Etika hakim

Secara umumnya hakim mesti menjalankan tugasnya dengan penuh adil. Keadilan itu mesti dilaksanakan dan dibuktikan dengan penghakiman yang tepat dan berasas. Hakim bukan sahaja perlu bersikap adil, bahkan juga perlu mendapatkan keyakinan masyarakat bahawa dia adalah adil. Ini bermakna dia perlu mengelakkan dari melakukan sesuatu yang boleh menimbulkan keraguan di kalangan masyarakat. Hakim bukan sahaja perlu berlaku adil ketika menjalankan tugas di dalam mahkamah, bahkan sifat adil itu juga perlu dikekalkan ketika berada di luar tugas dalam kehidupan sehari-hari.

Keadilan perlu ditegakkan oleh hakim walau pun ia melibatkan keluarga, kerabat, kawan atau musuh. Hakim perlu menganggap semua yang tampil di hadapannya adalah setaraf dari segi undang-undang walau pun mereka berbeza dari sudut kekayaan, pangkat atau keturunan. Demi menjamin keadilan ini para hakim perlu mematuhi etika yang telah ditetapkan oleh Islam. Etika atau adab hakim terbahagi kepada dua iaitu etika di luar mahkamah dan etika di dalam mahkamah. Berikut

adalah antara etika atau akhlak di luar mahkamah yang perlu diikuti oleh hakim:

1. Tidak menghadiri ‘jemputan khas’ oleh orang yang ada kes di mahkamah walau pun orang tersebut adalah kaum kerabat atau orang yang biasa menjemputnya sebelum ini. ‘Jemputan khas’ bermaksud jemputan yang bilangan orang yang dijemput itu terhad iaitu antara lima hingga sepuluh orang. Jika lebih ia dikira jemputan umum.
2. Hakim tidak boleh menerima hadiah dari mereka yang mempunyai kes di mahkamah walau pun mereka kaum kerabat atau orang yang biasa memberikannya hadiah. Hakim juga tidak boleh menerima hadiah kepada orang yang tidak pernah memberikannya hadiah sebelum menjadi hakim. Bahkan terdapat ulama’ yang berpendapat bahawa adalah lebih baik bagi hakim untuk tidak menerima hadiah langsung dari sesiapa sahaja kerana ia dianggap jalan kepada rasuah.
3. Hakim tidak boleh menerima rasuah iaitu pemberian sesuatu dengan tujuan agar hukuman dijatuhkan menyebelahi kehendak pemberi rasuah itu. Pengharaman ini disebut dengan jelas dalam al-Quran:

Terjemahan: *Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah. Dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada*

hakim-hakim untuk memakan (mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan dosa (dengan tidak halal) padahal kamu mengetahui

(Surah al-Baqarah : 188)

4. Para ulama berpendapat adalah makruh bagi hakim untuk terlibat dalam perniagaan kerana ia boleh mendorong kepada sikap berat sebelah terutama apabila kes melibatkan pelanggan, rakan kongsi, pesaing, penghutang atau pemiutang. Khalifah Umat al-Khatab pernah melarang Shuraikh berniaga ketika melantiknya sebagai hakim.
5. Hakim juga tidak boleh mengeluarkan fatwa kerana ia akan menjejaskan kewibawaan keputusannya terutama apabila penghakimannya berbeza dengan fatwa. Fatwa adalah pendapat yang diberikan secara umum tanpa melihat kepada kes-kes secara khusus. Oleh yang demikian terdapat kemungkinan penghakiman akan berbeza dengan fatwa. Jika ini berlaku keadilan hakim akan dipertikai oleh masyarakat walau pun ia mungkin tepat.
6. Mengelakkan diri dari berhutang, bertengkar dan bertikam lidah dengan orang ramai
7. Tidak membeli-belah sendirian atau membeli dari orang yang dikenali secara rapat.

Di samping etika-etika di luar mahkamah, hakim juga perlu mematuhi etika atau adab di dalam mahkamah iaitu seperti berikut:

1. Menghukum dalam keadaan yang tenang dan tenteram dari sudut fizikal dan perasaan. Dia tidak boleh menghakimi jika dalam keadaan marah, gelisah, letih lesu, terlalu lapar, terlalu kenyang, sakit yang kuat, terlalu mengantuk, terlalu sedih atau terlalu gembira.
2. Tidak terpengaruh dengan orang-orang yang sekeliling seperti keluarga dan rakan dalam membuat penghakiman.
3. Memberikan layanan yang sama kepada pihak yang bertelingkah dalam perbicaraan.
4. Berusaha untuk mendamaikan pihak yang bertelingkah sebelum menjatuhkan hukuman
5. Tidak memanjangkan perbicaraan
6. Berhati-hati dengan tindak-tanduk pihak yang bertelingkah iaitu tidak terpedaya dengan telatah mereka yang bertujuan untuk menarik simpati atau sokongan.
7. Menghargai saksi-saksi dan memberi peluang kepada mereka untuk memberikan kesaksian dengan terbuka
8. Tidak menghakimi kaum kerabat sendiri kerana ia boleh menimbulkan fitnah
9. Menepati masa yang ditetapkan dan tidak menangguhkan kes sesuka hati

Kebebasan Hakim

Kebebasan hakim amat penting untuk menjamin keadilan dapat berjalan dengan sempurna. Kebebasan hakim membolehkan para hakim membuat penghakiman tanpa terikat atau terpengaruh dengan mana-mana pihak. Ini kerana semua pihak termasuk pemerintah tidak mempunyai hak untuk campur tangan dalam membuat penghakiman.

Campur tangan dalam institusi kehakiman boleh berlaku secara langsung apabila pihak berkuasa memberikan arahan supaya penghakiman dibuat menurut kehendak mereka. Pengaruh luar juga mungkin wujud melalui tekanan yang diberikan kepada hakim yang tidak membuat keputusan menyebelahi pemerintah. Tekanan yang dimaksudkan berupa kemungkinan berlakunya sekatan dari kenaikan gaji, pemecatan jawatan, tindakan disiplin, pertukaran tempat kerja dan lain-lain. Di samping itu terdapat juga kemungkinan pengaruh luar berbentuk galakan kepada hakim-hakim yang menyebelahi pemerintah. Keadaan ini berlaku apabila hakim-hakim yang banyak membuat keputusan menyebelahi pemerintah diberi jalan mudah untuk kenaikan pangkat dengan mengenyepikan faktor-faktor lain.

Walau apa pun bentuk campur tangan, samada secara langsung atau secara tidak langsung hakikatnya tindakan tersebut adalah

bercanggah dengan prinsip keadilan. Dr. Abdul Karim Zaidan(1995) menyebut bahawa campur tangan pemerintah dalam urusan penghakiman seseorang hakim adalah satu maksiat. Maka sebarang arahan pemerintah kepada hakim berkaitan penghakiman ia tidak wajib dipatuhi oleh para hakim.

Bagi mengatasi masalah yang menjejaskan kebebasan hakim ini, semua pihak perlu berperanan untuk mengelakkan campurtangan itu. Bagi para hakim mereka bertanggungjawab untuk memastikan diri mereka amanah kepada Allah dan menunaikan tanggungjawab kepada Allah. Rasa tanggungjawab ini lahir melalui keinsafan bahawa setiap apa yang mereka lakukan akan dipersoal di akhirat nanti. Sabda Nabi Muhammad S.A.W.:

Terjemahan: Hakim-hakim itu ada tiga jenis. Satu dalam syurga dan dua lagi dalam neraka. Adapun yang di dalam syurga itu adalah hakim yang mengetahui kebenaran lalu dia menghukum dengannya, dan hakim yang mengetahui kebenaran tetapi dia zalim (menyeleweng) dalam hukuman, maka dia ke dalam neraka. Hakim yang menghukum manusia dengan jahil, maka dia juga adalah ke dalam neraka

(Abu Dawud)

Manakala bagi pemerintah pula, mereka sewajarnya memahami bahawa tugas menegakkan kadilan adalah menjadi tanggungjawab asasi seseorang pemimpin. Pengabaian kepada usaha menegakkan keadilan ini merupakan satu kegagalan besar seseorang pemimpin dalam melaksanakan amanah mereka kepada Allah. Oleh yang demikian, pemerintah perlu menyedari bahawa kebebasan seseorang hakim dalam membuat penghakiman merupakan satu hak yang tidak boleh dicabuli. Pemerintah perlu akur kepada keputusan hakim walaupun ia bercanggah dengan keinginan dan kepentingan mereka sendiri. Bahkan pemerintah juga sepatutnya rela untuk dihadap ke muka pengadilan jika mereka sendiri melakukan kesalahan atau jenayah. Sikap bersedia untuk ditegur dan patuh kepada keputusan hakim ditunjukkan sendiri oleh Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan para Khulafa' al-Rasyidin sepanjang pentadbiran mereka.

Di samping itu kebebasan kehakiman juga dapat dipertingkatkan dengan memberikan kedudukan yang jelas dan terjamin kepada jawatan kehakiman. Jawatan hakim sepatutnya dilantik secara jawatan penuh tanpa terikat dengan ihsan dari pemerintah. Urusan kenaikan pangkat, pertukaran dan gaji mereka juga sistematik dan jelas serta tidak tertakluk kepada sebarang pengaruh pihak kerajaan. Dengan cara ini para hakim

dapat membuat keputusan tanpa rasa takut dan bimbang akan kedudukan mereka.

BAB 7

UNDANG-UNDANG PROSEDUR

Prosedur Jenayah Syariah

Dalam Islam seseorang yang melakukan jenayah dibicarakan di mahkamah atas tiga saluran. Saluran pertama adalah melalui penyerahan diri, iaitu orang yang menganggap dirinya melakukan jenayah tampil ke muka pengadilan untuk dihukum. Keadaan ini berlaku kerana orang yang melakukan jenayah itu insaf di atas kesalahannya dan sedar bahawa setiap kesalahan terutamanya dalam kes hudud tertakluk kepada hukuman yang ditetapkan oleh Allah. Bagi mereka yang telah dihukum di dunia berlandaskan hukuman yang selaras dengan syariat, Allah akan mengampunkan dosa-dosanya dan dia terlepas dari hukuman di akhirat. Dalam sejarah Islam terdapat

banyak kes yang melibatkan penyerahan diri begini antaranya kes zina yang melibatkan Ma'iz bin Malik dan kes wanita Juhainah yang dikenali sebagai Al-Ghamidiyah.

Saluran yang kedua, adalah melalui laporan yang dikemukakan oleh orang awam kepada pemerintah. Saluran ini menjadi tanggungjawab berasaskan prinsip *al amru bil ma'ruf wa an-nahyi anil munkar* seperti yang dituntut oleh Islam. Laporan ini perlu dibuat kepada badan penguatkuasa seperti badan hisbah, mahkamah atau polis yang akan menilai dan menyiasat samada wujud kes atau tidak. Aduan ini juga dikenali sebagai aduan *hisbah*. Pengadu mestilah memenuhi syarat antaranya:

1. benar-benar mengetahui perkara yang diadukan
2. jujur dan ikhlas dalam menyampaikan maklumat
3. niat laporan itu adalah semata-mata untuk menegakkan amar makruf dan mencegah mungkar.

Di samping itu, pendakwaan juga boleh berlaku hasil dari maklumat yang diperolehi dari saluran ketiga iaitu badan penguatkuasa atau badan pengawasan yang dikenali sebagai Badan Hisbah. Badan ini merupakan agensi kerajaan yang bertanggungjawab melaksanakan tugas *al-amru bil makruf wa al-nahyi anil munkar* seperti yang dituntut oleh Islam.

Walau pun menjadi tanggungjawab badan hisbah dan orang awam untuk melaporkan kes jenayah, namun terdapat beberapa sekatan kepada tanggungjawab ini. Antaranya, Islam melarang seseorang itu mengintip seseorang di tempat persendirian untuk mendapatkan maklumat. Ini kerana mengintip menyebabkan pencerobohan hak kebebasan individu dan ia mungkin boleh menimbulkan keaiban kepada orang yang diintip. Allah berfirman:

Terjemahan: Hai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu menjauhkan diri dari menaruh syak wasangka. Sesungguhnya setengah syak wasangka itu adalah dosa dan janganlah kamu mengintip dan jangan kamu mencela orang lain.

(Surah al-Hujurat : 12)

Undang-undang Islam membenarkan tangkapan dibuat ke atas mereka yang dituduh melakukan jenayah. Hakim boleh mengeluarkan waran tangkap kepada sesiapa yang didapati tidak mahu hadir ke mahkamah (al-Mawardi, 1966:332). Pihak yang berkuasa untuk menangkap adalah pegawai hisbah atau polis, hakim atau pegawainya, dan juga orang awam. Tangkapan oleh orang awam dibuat berasaskan tanggungjawab amar makruf dan nahi munkar.

Islam juga membenarkan penggeledahan dibuat ke atas orang yang disyaki melakukan jenayah. Penggeledahan ini samda ke atas rumah atau ke atas badan. Sayyidina Umar pernah menggeledah rumah al-Qarsyi dan al-Thaqafi selepas menerima laporan bahawa rumah itu dijadikan pusat meminum arak. Hasil penggeledahan mendapati laporan yang diberikan adalah benar kerana ada tersimpan arak di dalam rumah itu. (al-Bukhari, t.th.:310)

Orang yang dituduh melakukan jenayah juga boleh ditahan bagi proses siasatan. Dalam satu riwayat dari Abu Hurairah menyebut bahawa Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam 'telah menahan seorang lelaki yang dituduh dalam kes bunuh selama satu hari satu malam untuk mendapat kenyataan dan berjaga-jaga' (al-Nubaihi, 1980). Walau bagaimana pun penahanan ini adalah untuk siasatan dan sementara menunggu perbicaraan. Oleh yang demikian tempohnya tidak boleh terlalu lama.

Undang-undang Islam juga membenarkan ikat jamin kepada orang yang dituduh. Ikat jamin ini bermakna orang yang memberi jaminan itu bertanggungjawab di atas kehadiran orang yang dijamin dalam perbicaraan sehingga ia selesai. Jika penjamin gagal menyerahkan orang yang dijamin itu, dia akan dipenjarakan untuk satu tempoh tertentu (al-Ansari, t.th.:63).

Di mahkamah, hakim akan memastikan kehadiran pendakwa dan tertuduh sebelum memulakan perbicaraan. Pendakwa akan membentangkan pertuduhan dan menerangkan secara ringkas dakwaan ke atas tertuduh. Sekiranya tertuduh tidak mengaku salah, pendakwa dikehendaki mengemukakan keterangannya.

Prinsip ini berasaskan kaedah fikah yang bermaksud: ‘Pada asalnya seseorang itu bebas daripada sebarang tanggungan’. Kaedah ini menjelaskan bahawa seseorang itu adalah bebas daripada sebarang tanggungan jenayah kecuali jika dibuktikan sebaliknya. Ini bermakna beban bukti terletak pada pihak pendakwa. Jika pendakwa gagal mengemukakan keterangan yang dapat membuktikan kesalahan tertuduh, mahkamah akan membebaskan tertuduh dari sebarang kesalahan. Seseorang itu tidak boleh dihukum atau ditahan di bawah mana-mana undang-undang tanpa dibicara dan dibuktikan bersalah.

Berdasarkan prosedur jenayah di atas, dapat difahami bahawa Islam amat mengambil berat soal hak asasi manusia di samping mengutamakan nilai-nilai kemasyarakatan dan akhlak. Undang-undang Islam berusaha untuk memastikan semua pihak yang melakukan jenayah dihukum dengan seadilnya disamping tidak mengabaikan hak mereka untuk membela diri.

Prosedur Sivil Syariah

Dalam acara atau prosedur mal atau sivil menurut undang-undang Islam, konsep yang penting adalah konsep *al-dakwa* (pendakwaan). Setiap dakwaan perlu mempunyai empat elemen atau rukun iaitu:

1. *Al-Mudda'i* iaitu plaintif atau orang yang menuntut hak
2. *Al-Mudda'i 'alaihi* iaitu defendan atau orang yang didakwa
3. *Al-Mudda'i bihi* iaitu perkara yang dituntut oleh plaintiff daripada defendan
4. *Al-Da'awa* iaitu perkataan yang lahir dari plaintif di hadapan hakim untuk menyatakan bahawa beliau ada hak ke atas tanggungan defendan.

Dakwaan biasanya berbentuk tuntutan plaintif ke atas haknya yang dirampas oleh defendan atau tanggungjawab defendan ke atas plaintif yang gagal dipatuhi olehnya. Ini bermakna defendan didakwa mempunyai tanggungan ke atas plaintif. Dakwaan dibuat untuk menguatkuasakan hak-hak plaintif. Walau bagaimana pun, Islam membenarkan dakwaan ke atas defendan yang tidak mempunyai tanggungan ke atas plaintiff tetapi sebaliknya mempunyai tanggungan ke atas Allah. Dakwaan ini dinamakan 'da'awa al-hisbah' yang bermaksud 'dakwaan yang kemukakan oleh seseorang kepada hakim yang bukan bertujuan untuk menuntut hak-hak tertentu untuk

dirinya tetapi sebaliknya ia menuntut hak-hak Allah dilaksanakan oleh defendan.’ Contohnya, plaintif mendakwa bahawa defendan telah menceraikan isterinya dengan talak tiga, tetapi masih bersekedudukan seperti suami-isteri, maka plaintif meminta agar mahkamah memisahkan mereka kerana tindakan itu bercanggah dengan hukum Allah.

Sesuai perbicaraan dimulakan dengan nasihat hakim kepada kedua-dua pihak yang bertelingkah agar mengelakkan diri masing-masing dari membuat tuntutan atau keterangan yang palsu kerana ia dibenci oleh Allah. Kemudiannya hakim akan meminta plaintif mengemukakan dakwaannya. Jika dakwaannya sah, hakim akan meminta defendan memberikan reaksi. Jika defendan mengakui dakwaan itu (*iqrar*) maka hakim akan mengarahkannya mematuhi dakwaan itu. Jika defendan menafikannya, maka plaintif perlu mengemukakan keterangannya.

BAB 8:

UNDANG-UNDANG KETERANGAN

Islam sangat mengambil berat soal peraturan keterangan dalam membuktikan hujah di mahkamah. Keterangan mempunyai peranan yang besar dalam membuat keputusan atau penghakiman. Keterangan yang tidak sempurna akan menyebabkan penghakiman yang silap dan tidak adil. Dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Abu Dawud, Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam telah bersabda:

Terjemahan: Ali k.w. berkata: Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam telah menghantar aku ke Yaman sebagai hakim. Aku berkata kepada Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam “ Wahai Nabi, adakah anda ingin melantik saya sedangkan saya masih muda dan jahil tentang kehakiman? Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam menjawab, “Semoga Allah memberi

petunjuk kepada hati kamu dan menguatkan lidah kamu. Jika datang dua orang lelaki bertelagah di hadapan kamu, jangan berikan penghakiman kecuali setelah kamu mendengar keterangan pihak kedua sebagaimana kamu mendengar keterangan pihak pertama, ini adalah lebih baik bagi kamu dan masalah akan lebih jelas kepada kamu untuk memberikan penghakiman” Ali berkata: Selepas itu, aku tidak lagi ragu dalam memberikan penghakiman.

Dalam undang-undang Islam keterangan dikenali sebagai *al-bayyinah* yang bermaksud sesuatu yang menjelaskan atau menerangkan sesuatu hak, tanggungan atau kepentingan (al-Jauziyyah, 1977:16). *Bayyinah* atau keterangan ini bukan semata-mata keterangan saksi, tetapi merujuk kepada bentuk keterangan yang luas mencakupi segala bentuk usaha untuk menunjukkan, menerangkan, atau membuktikan sesuatu kedudukan, hak, kepentingan atau fakta di dalam mahkamah. Ini bermakna semua keterangan yang diterima pakai oleh Islam termasuklah *iqrar* atau pengakuan, sumpah, penyaksian, *qarinah* dan lain-lain boleh digunakan di dalam mahkamah.

Para ulama berpendapat bahawa mengemukakan keterangan adalah *fardu kifayah* bagi mereka yang mengetahui kebenaran dan diminta untuk mengemukakannya. Ini bermakna jika ada salah seorang dari sesebuah anggota masyarakat yang

memberikan keterangan kepada mahkamah, maka anggota masyarakat lain akan terlepas dari tanggungjawab tersebut. Ketetapan ini berdasarkan firman Allah:

Terjemahan: Hai orang-orang yang beriman, jadilah orang yang sentiasa teguh menegakkan keadilan sebagai saksi kepada Allah walau pun ke atas diri kamu sendiri, atau ke atas ibubapa atau anak-anak kamu dan samada ke atas orang kaya atau miskin. Allah sebaik-baik pelindung mereka.

(Surah al-Nisa' : 135)

Walau bagaimana pun, bagi kes-kes yang berkaitan dengan hudud, tidak menjadi kewajipan kepada sesiapa untuk memberikan keterangan, bahkan saksi diberi pilihan samada mereka mahu memberikan keterangan atau tidak (Ahmad Fathi, 1962:16). Ketetapan ini berasaskan sabda Nabi yang meminta supaya dielakkan hukuman hudud jika ia boleh dielakkan (Ibn Majah,1972:850). Ia juga berasaskan galakan untuk menyembunyikan keaiban sesama Muslim. Walau bagaimana pun, jika mahkamah berpendapat bahawa keterangan saksi diperlukan bagi mengelakkan mudarat yang mungkin menjejaskan nyawa, harta benda dan lain-lain, hakim boleh mengarahkan mana mana saksi yang sesuai untuk memberikan keterangan. Apabila terdapat arahan khusus dari mahkamah, seseorang saksi wajib hadir ke mahkamah untuk

memberikan penyaksian kerana ia dianggap satu amanah dan fardu ain (Mahmud, 1990:14).

Berikut dibincangkan bentuk-bentuk keterangan yang terdiri dari empat keterangan utama iaitu, iqrar, kesaksian, sumpah dan qarinah dan diikuti beberapa keterangan lain seperti *khobar* atau maklumat yang diperolehi oleh mahkamah, keterangan yang diperoleho oleh hakim dan bukti bertulis.

Pertama: Iqrar

Iqrar bermaksud satu pengakuan untuk menwujudkan tanggungan jenayah ke atas orang yang membuat pengakuan atau untuk menunjukkan hak atau kepentingan orang lain ke atas orang yang membuat pengakuan itu (Mahmud,1990:31). Setiap *iqrar* mesti berlaku dengan lafaz yang menunjukkan tanggungan pembuat *iqrar* atau hak orang lain ke atasnya. Ia juga boleh berlaku dengan bahasa isyarat yang biasa difahami atau tulisan.

Islam mengiktiraf iqrar sebagai satu keterangan yang sah di mahkamah. Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam pernah menjatuhkan hukuman ke atas pesalah zina iaitu Ma'iz dan Ghamidiyah atas pengakuan mereka melakukan zina. Walau bagaimana pun setiap iqrar tertakluk kepada syarat berikut (Abdul Karim,1995:159-160):

1. Orang yang beriqrar adalah baligh dan berakal
2. Orang yang beriqrar itu tidak dipaksa untuk beriqrar.
3. Orang yang beriqrar tidak tertakluk kepada *tuhmah* (kemungkinan berlaku berat sebelah) atau *syubhah* (keraguan) umpamanya seorang yang hampir mati membuat pengakuan mempunyai hutang kepada salah seorang warisnya, maka iqrar ini ditolak kerana kemungkinan dia berat sebelah kerana ingin memberikan keutamaan kepada waris berkenaan.
4. Iqrar dibuat secara bersungguh-sungguh dan tegas tanpa ada unsur gurauan.
5. Orang yang beriqrar mengetahui kesan pengakuannya ke atas dirinya.

Kedua: Kesaksian (Al-Syahadah)

Syahadah atau kesaksian bermaksud memberitahu kebenaran ketika perjalanan prosiding mahkamah dengan menggunakan perkataan kesaksian tertentu bagi membuktikan hak atau kewajipan untuk kepentingan orang lain atau pihak lain (Muhamad Salam,1964:84). Ia juga ditakrifkan sebagai menyatakan tentang hak atau kepentingan untuk manfaat orang lain ke atas pihak yang lain, berkaitan dengan hak Allah atau hak orang lain (Ahmad Fathi,1962:14). Keterangan yang

diberikan mestilah jelas dan bukan berasaskan sangkaan atau syak. Perkara ini berasaskan sabda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam (al-Kahlani,1960:130):

Terjemahan: Jika kamu melihatnya dengan terang seperti terangnya sinar matahari, maka kamu patut menjadi saksi, jika kamu tidak melihatnya seperti demikian, tinggalkan sahaja.

Kesaksian adalah satu keterangan yang sah di mahkamah dan jika terdapat kesaksian yang sempurna, mahkamah tidak mempunyai pilihan selain dari menghukumkan seperti yang dinyatakan oleh para saksi. Terdapat banyak dalil al-Quran dan hadith yang menunjukkan penerimaan kesaksian sebagai keterangan sah. Antaranya firman Allah:

Terjemahan: Dan jangan kamu menyembunyikan kesaksian, dan sesiapa yang menyembunyikan kesaksian sesungguhnya berdosa lah hatinya
(Surah al-Baqarah: 282)

Walau bagaimanapun, penerimaan keterangan saksi tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

1. Saksi mestilah seorang yang memenuhi syarat-syarat kelayakan

2. Kesaksian dibuat selepas dakwaan dikemukakan
3. Kesaksian dibuat atas kehendak pihak yang bertelingkah (litigan)
4. Kesaksian dibuat dengan izin dari mahkamah
5. Saksi menggunakan perkataan “Saya bersaksi...” atau apa-apa perkataan yang membawa kesan yang sama.
6. Keterangan yang diberikan oleh saksi itu hanya berkaitan dengan perkara yang terdapat dalam dakwaan
7. Saksi tersebut memberikan penyaksian berdasarkan keyakinan, pengetahuan dan maklumat dari dirinya sendiri bukan disandarkan kepada kenyataan orang lain, dan bukan bercakap mewakili orang lain.
8. Saksi hanya memberikan kesaksian tentang sesuatu yang didengar, dilihat olehnya. Saksi tidak boleh membuat kesimpulan dari sesuatu kejadian.
9. Jika mahkamah ragu ke atas sekumpulan saksi, mereka perlu dipisahkan, dan setiap dari mereka memberikan kesaksian secara berasingan.

Berikut pula adalah syarat-syarat kelayakan bagi seseorang saksi

1. Saksi mestilah baligh dan berakal.
2. Saksi tersebut mengetahui sesuatu yang disaksikannya

3. Saksi itu adil iaitu tidak melakukan dosa besar dan tidak mengekalkan dosa kecil serta menjauhkan diri dari melakukan sesuatu yang menjatuhkan maruahnyanya.
4. Saksi tersebut adalah muslim. Kesaksian orang bukan Islam adalah harus jika kesaksian itu dibuat terhadap orang bukan Islam juga. Kesaksian bukan Islam ke atas orang Islam dibolehkan menurut mazhab Hambali bagi menjadi saksi ke atas wasiat orang Islam dalam masa musafir apabila tidak didapati saksi-saksi Islam.
5. Saksi mempunyai ingatan yang baik iaitu tidak selalu pelupa atau nyanyuk.
6. Tiada *tuhmah* atau keraguan akibat dari hubungan yang baik atau hubungan yang buruk dengan seseorang yang berkaitan dengan kes yang dibicarakan

Bagi menjamin ketelusan saksi, Islam menghendaki agar latar belakang saksi disiasat sebelum mereka diterima untuk memberikan kesaksian. Penyiasatan ini dikenali sebagai '*tazkiyah syuhud*'. Penyiasatan ini dilakukan secara tersembunyi atau secara terbuka. Hakim perlu memastikan bahawa saksi yang benar-benar layak sahaja tampil untuk memberikan penyaksian. Bagi mendapatkan maklumat yang tepat mahkamah boleh melantik penyiasat-penyiasat yang dikenali sebagai *muzakki* yang membuat siasatan dan seterusnya melaporkan latar belakang bakal saksi kepada hakim.

Bilangan saksi adalah bergantung kepada bentuk kes yang dibicarakan. Empat orang saksi lelaki diperlukan bagi kesalahan zina. Bagi kesalahan hudud lain, dua orang saksi diperlukan. Begitu juga bagi kes-kes lain seperti nikah, rujuk, talaq, zihar, nasab dan *wakalah*(agensi) dan beberapa kes lain memerlukan dua orang saksi menurut sebahagian ulama. Manakala jumlah yang saksi yang lain seperti tiga orang lelaki, dua wanita bersama seorang lelaki, seorang lelaki dan seorang wanita ditentukan menurut kes-kes yang berbeza.

Ketiga: Sumpah(Yamin)

Sumpah atau *yamin* bermaksud satu pernyataan yang disertai dengan menyebut nama Allah untuk menguatkan sesuatu yang tidak dapat dibuktikan melainkan dengan bersumpah. Sumpah dibuat di atas nama Allah atau salah satu sifat-sifatNya yang mulia. Sumpah ini dibuat berasaskan sabda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang menyebut: “*Keterangan adalah kewajipan yang mendakwa, sumpah adalah kewajipan yang kena dakwa*”

Sumpah dilakukan dengan menggunakan lafaz tertentu menggunakan nama Allah seperti ‘*Wallahi*’, atau menggunakan sifat-sifat Allah seperti ‘*wa al-Rahman*’ atau ‘*wa al-Rahim*’, atau *wa ‘Rab al-Alamin*’, dan kemudiannya diikuti dengan

pengakuan atau penafian seperti yang diminta oleh hakim. Contohnya, “*Wallahi, saya tidak menjual rumah itu kepadanya*”

Sumpah tidak boleh dibuat di atas nama yang lain selain dari nama Allah. Sesuatu sumpah akan batal jika ia diikuti dengan perkataan ‘*Insyallah*’. Sumpah juga mesti dibuat untuk diri sendiri, bukan untuk mewakili sesiapa. Seseorang wali atau penjaga tidak boleh bersumpah mewakili seseorang yang berada di bawah jagaannya.

Sumpah boleh dilakukan di dalam mahkamah atau di luar mahkamah. Namun begitu hanya sumpah yang dibuat di mahkamah di atas permintaan hakim sahaja yang boleh menjadi keterangan yang sah. Pada umumnya setiap sumpah perlu memenuhi syarat-syarat berikut:

1. Orang yang membuat sumpah itu *mukallaf* iaitu siuman, baligh, tidak dipaksa atau tidur.
2. Sumpah itu dibuat dengan niat bukan kerana gurauan atau tersilap sebut.
3. Sumpah dibuat di atas nama Allah
4. Wajib ke atas defendan yang menafikan tuntutan yang didakwa ke atasnya, jika dia mengaku, maka tidak wajib sumpah ke atasnya.

5. Plaintiff meminta mahkamah mengeluarkan arahan supaya defendan bersumpah, tetapi hakim boleh juga mengeluarkan arahan tanpa permintaan plaintiff
6. Sumpah dilakukan sendiri iaitu tidak mewakilkan kepada orang lain.
7. Sumpah itu adalah untuk kes-kes selain dari kes hudud
8. Plaintiff tidak mempunyai keterangan lain yang kukuh. Sumpah hanya perlu dibuat jika plaintiff atau pendakwa gagal mengemukakan keterangan yang kukuh dan meyakinkan (al-Zuhaili:597-598).

Dalam sesuatu perbicaraan, hakim akan meminta plaintiff atau pendakwa mengemukakan hujah atau kesnya terlebih dahulu. Mereka perlu membuktikan dakwaan menggunakan kesaksian, qarinah atau sebagainya. Defendan atau tertuduh diberi peluang untuk membuat iqrar atau membela diri. Jika hujah dan keterangan plaintiff atau pendakwa didapati kuat dan memuaskan, penghakiman akan dibuat berasaskan keterangan itu setelah mengambilkira pembelaan defendan atau tertuduh. Namun begitu jika keterangan plaintiff atau pendakwa adalah lemah, hakim akan meminta defendan atau tertuduh agar bersumpah. Sumpah yang dibuat oleh tertuduh atau defendan akan melepaskan mereka dari tanggungan yang didakwa. Jika defendan atau tertuduh enggan bersumpah maka tanggungjawab bersumpah dikembalikan kepada plaintiff, menurut pendapat sebahagian ulama. Ini kerana, keengganan

defendan atau tertuduh untuk bersumpah (*nukul anil yamin*) dianggap satu *iqrar*. Jika plaintif bersumpah mengukuhkan dakwaannya, penghakiman akan dibuat menyebelahnya.

Terdapat dua bentuk sumpah yang khusus untuk kes-kes tertentu. Pertama, sumpah yang dikenali sebagai *qasamah* yang dilakukan secara berulang-ulang kali oleh tertuduh dalam kes bunuh atau waris kepada mangsa pembunuhan dengan syarat-syarat tertentu. Qasamah diwajibkan apabila tidak ada keterangan jelas tentang pembunuhnya, iaitu keterangan yang diberikan adalah lemah dan meragukan. Kedua, sumpah dalam kes *li'an*, iaitu menuduh isteri melakukan zina sedangkan tidak ada 4 saksi yang dapat memberi keterangan berkenaan dengannya.

Keempat: Qarinah

Qarinah bermaksud tanda atau petunjuk yang dijadikan keterangan mengesahkan wujudnya atau menafikan wujudnya sesuatu. Contohnya, jika didapati seorang lelaki keluar dari sebuah rumah dalam keadaan ketakutan, di tangannya ada sebilah pisau yang berlumuran dengan darah, manakala orang ramai yang masuk ke dalam rumah itu mendapati seorang lain mati ditikam, maka lelaki yang keluar dari rumah itu boleh dianggap sebagai pembunuh orang yang mati itu walau pun tiada saksi yang melihat pembunuhan itu dilakukan.

Undang-undang Islam mengiktiraf qarinah sebnagai satu keterangan yang sah berasaskan kepada beberapa dalil berikut:

1. Allah berfirman mengenai kisah Nabi Yusuf a.s.:

Terjemahan: Mereka (adik beradik Yusuf) datang dengan membawa baju yang berlumuran dengan darah palsu. Yaakub berkata, 'diri kamu sendiri sahaja yang menganggap baik perbuatan yang buruk itu, maka bagi ku kesabaran adalah yang yang paling baik, dan Allah sahajalah tempat untuk meminta pertolongan di atas apa yang kamu ceritakan...

(Surah Yusof : 18).

Menurut Imam al-Qurtubi, para ulama telah berdalilkan ayat ini untuk mengamalkan qarinah. Mereka berijma bahawa Nabi Yaakub telah menjadikan baju Nabi Yusuf yang berlumuran darah tetapi tidak terkoyak sedikitpun sebagai keterangan bahawa adik-beradiknya itu telah melakukan pembohongan. Nabi Yaakub menyebut: 'Bagaimana serigala ini menjadi sungguh bijak, ia memakan Yusuf tanpa mengoyakkan bajunya'(Abdul Karim,1995:220)

2. Kisah Nabi Yusuf dituduh menggoda Zulaikha. Saksi yang memberi keterangan mengemukakan qarinah iaitu jika baju Yusuf itu terkoyak dari depan bermakna Yusuf menggoda Zulaikha, dan jika baju Nabi Yusuf terkoyak dari belakang bermakna Zulaikha yang menggoda nabi Yusuf (Surah Yusuf: 25-28). Keterangan ini berunsur qarinah dan penghakiman dibuat berasaskan keterangan tersebut.
3. Rasulullah pernah menjatuhkan hukuman berasaskan *qiyafah*, iaitu membuktikan nasab atau keturunan seseorang menggunakan kepakaran tertentu seperti dengan melihat tapak kaki. *Qiyafah* ini adalah salah satu bentuk *qarinah*
4. Rasulullah juga pernah mengarahkan barang hilang yang dijumpai diserahkan kepada sesiapa yang boleh menyebut sifat-sifat barang itu.
5. Nabi Sulaiman pernah menghukum berasaskan qarinah dalam kes dua orang wanita mengaku ibu kepada seorang kanak-kanak. Nabi Sulaiman meminta supaya diberikannya sebilah pisau untuk membelah dua anak itu. Wanita yang tua membenarkannya, sementara wanita yang muda menghalang dan berkata bahawa dia lebih rela anaknya itu diserahkan kepada wanita yang tua daripada dibelah dua. Nabi Sulaiman membuat keputusan bahawa anak itu milik wanita muda kerana seorang ibu kandung tidak sanggup melihat anaknya mati. Ibnu Qayyim menganggap contoh ini adalah contoh yang paling jelas menunjukkan penerimaan

qarinah sebagai asas keterangan di mahkamah (al-Jauziyyah,1997:6).

6. Para sahabat pernah menggunakan kaedah qarinah, umpamanya Sayyidina Umar pernah menjatuhkan hukuman zina ke atas wanita yang mengandung tanpa suami dan tiada unsur paksaan. Beliau juga pernah menjatuhkan hukuman minum arak dengan keterangan berasaskan bau nafas dan muntah.

Berdasarkan dalil-dalil di atas jelaslah bahawa Islam mengiktiraf keterangan berasaskan qarinah. Ibnu Farhun menyebut bahawa ‘sesungguhnya sebahagian dari cara penghakiman menurut Mazhab Maliki adalah melalui qarinah. Ibnu Qayyim pula menyebut bahawa, walau pun sebahagian fuqaha dalam mazhab-mazhab lain tidak berterus terang berpegang kepada qarinah, tetap sebenarnya mereka membuat ketetapan hukum berasaskan qarinah.

Dalam memperolehi maklumat berdasarkan qarinah, hakim boleh mendapatkan pandangan pakar (*al-ra'yu al-khabir*) yang dapat memberikan penjelasan tentang sesuatu perkara. Penerimaan qiyafah adalah salah satu contoh penerimaan pendapat pakar. Pandangan pakar amat diperlukan terutamanya jika masalah itu di luar pengetahuan hakim, seperti masalah yang memerlukan analisa doktor, pakar kimia atau sebagainya.

Kelima: Khabar atau maklumat yang diperolehi oleh mahkamah.

Sebahagian ulama seperti Ibnu Qayyim menganggap *kabar mutawatir* dan *khabar masyhur* adalah satu keterangan yang sah di mahkamah. Hakim boleh membuat hukuman berdasarkan khabar mutawatir yang diterima dalam kes-kes tertentu (Mahmud,1990:81-83).

Keenam: Keterangan berasaskan maklumat yang diperolehi oleh hakim

Ada di kalangan ulama yang membolehkan hakim membuat keputusan berasaskan maklumat yang diperolehi secara peribadi di luar mahkamah. Mazhab Zahiri berpendapat bahawa seseorang hakim boleh memberikan penghakiman dalam kes hutang, qisas, harta, dan hudud berasaskan maklumatnya yang diperolehi sebelum atau selepas dia dilantik menjadi hakim. Ini berasaskan tanggungjawabnya untuk menegakkan kebenaran dan keadilan.

Para ulama dalam mazhab Shafi'e hakim tidak boleh menghukum menggunakan maklumat sendiri dalam kes yang melibatkan hak Allah seperti kes hudud. Ini berasaskan kata-kata Sayyidina Abu Bakar yang menyebut: “ Jika saya melihat

orang melakukan kesalahan hudud, saya tidak akan menjatuhkan hukuman hudud ke atasnya sehingga ada bukti dikemukakan kepada saya'. Dalam soal hak yang berkaitan dengan manusia terdapat ulama dalam mazhab Syafie yang membolehkannya dan terdapat juga ulama yang tidak mengharuskannya. Manakala kebanyakan ulama dalam Mazhab Hanbali dan Maliki pula tidak mengharuskan penghakiman berasaskan maklumat yang diperolehi oleh hakim dari luar mahkamah. Sementara Mazhab Hanafi membolehkan penghakiman berasaskan maklumat yang diperolehi oleh hakim selepas mereka dilantik sebagai hakim dalam kes-kes yang melibatkan hak manusia sahaja, iaitu tidak termasuk kes-kes hudud.

Ketujuh: Bahan bukti bertulis

Undang-undang Islam mengiktiraf dokumen bertulis sebagai bahan bukti yang sah. Bukti bertulis boleh diterima sebagai sesuatu yang mensabitkan hak atau pengakuan terutamanya dalam kes ta'zir yang melibatkan harta. Begitu juga pengakuan bertulis seseorang yang telah meninggal atau hilang. Kepentingan dokumen bertulis ini disebut di dalam al-Quran yang mengarahkan perjanjian hutang dibuat secara bertulis (Surah al-Baqarah :282). Begitu juga bagi hamba yang meminta perjanjian bertulis berkaitan pembebasannya (Surah al-Nur: 33). Majallah al-Ahkam umpamanya menyebut bahawa:

Perkara 69: Surat-menyurat secara bertulis adalah sama dengan bercakap-cakap.

Perkara 1606: Pengakuan secara bertulis adalah sama dengan pengakuan secara lisan.

Perkara 1607: Seseorang yang mengarahkan orang lain menulis pengakuannya secara bertulis adalah sama dengan kesannya dengan pengakuan lisan.

TAJUK 9:

SISTEM PENGUATKUASAAN ISLAM

Aspek penguatkuasaan adalah penting bagi memastikan keberkesanan undang-undang. Penguatkuasaan berperanan untuk menjalankan peraturan yang termaktub di dalam undang-undang ke atas semua pihak yang tertakluk kepada undang-undang termasuk pemerintah sendiri. Jika penguatkuasaan tidak dijalankan, undang-undang yang termaktub di dalam akta, statut serta hukuman yang diputuskan oleh mahkamah akan tidak memberi apa-apa erti. Mereka yang melakukan jenayah akan terus bebas kerana tidak ada pihak yang membawanya ke muka pengadilan. Arahan-arahan mahkamah juga akan tidak diendahkan kerana tidak ada siapa yang memantau pelaksanaannya. Oleh yang

demikian, aspek penguatkuasaan undang-undang adalah penting dalam sistem pemerintahan sesebuah negara.

Dalam Islam, aspek penguatkuasaan dilihat dari sudut yang lebih luas kerana ia bukan sahaja meliputi pelaksanaan undang-undang semata-mata, bahkan juga pengawasan berterusan bagi menjamin keamanan dan keadilan. Pihak yang menguatkuasakan undang-undang bukan sahaja mengambil tindakan kepada orang yang melanggar undang-undang bahkan juga membuat pemantauan atau pengawasan untuk mengelakkan orang ramai dari melanggar undang-undang itu. Dengan cara ini badan penguatkuasaan atau pengawasan dalam Islam bukan sahaja berperanan untuk mengenakan tindakan undang-undang ke atas pesalah, bahkan juga untuk mencegah dari berlakunya kesalahan jenayah.

Secara ringkasnya, dalam Islam terdapat empat peringkat pengawasan untuk menjamin kesejahteraan dan keadilan (Auni,2000:6-10):

1. *Pengawasan diri sendiri (al-raqabat al-zatih).*

Pengawasan ini bergantung kepada kemampuan seseorang mengawal dan mendisiplinkan diri sendiri. Ini bergantung kepada tahap kefahaman, keimanan dan ketaqwaan seseorang. Seseorang pengurus atau pemimpin yang mempunyai ilmu dan

ketakwaan mampu membendung dirinya dari terjebak dalam melakukan penyelewengan dan kezaliman. Begitu juga rakyat biasa yang memiliki asas dan pegangan agama yang teguh pada umumnya mampu mengawal dirinya dari melakukan maksiat dan jenayah. Pengawasan secara ini juga dikenali sebagai penghntungan terhadap diri sendiri (*muhasabah al-nafs*) iaitu amalan sentiasa memperingatkan diri sendiri tentang segala yang dilakukan sepanjang hari.

2. *Pengawasan Ilahi.*

Pengawasan ini ialah pengawasan dari luar diri manusia. Pengawasan ini sedia ada selari dengan sifat asasi semula jadi manusia. Ia berlaku selari dengan kebesaran dan keagungan Allah S.W.T. Yang Maha Berkuasa, Maha Mengetahui, Maha Melihat dan Maha Mendengar. Pengawasan Ilahi ialah bentuk pengawasan yang mutlak dan mampu menembusi apa jua keadaan dan menagani apa jua halangan. Ia adalah rahmat Ilahi untuk mengingatkan manusia agar berhati-hati dalam menjalankan usaha dan tanggungjawab. Oleh itu kadangkadangkang pengawasan ini disebut pengawasan oleh Yang Maha Pengasih (*al-raqabah al-rahmaniah*).

3. *Pengawasan oleh masyarakat (al-raqabat al-mujtama') atau pengawasan oleh rakyat (al-raqabat al-sya'biah).*

Pengawasan ini memberikan hak kepada rakyat untuk mengawasi kegiatan para pemimpin dan ia merupakan hak keistimewaan bagi rakyat yang dijamin oleh Islam (Mustafa, 1977:262-3). Pengawasan rakyat ini selari dengan ajaran Islam yang menjamin kebebasan asasi manusia seperti kebebasan bersuara, kebebasan berfikir, kebebasan menyertai persatuan dan kebebasan berhimpun. Pengawasan rakyat ini dapat mengelakkan pemerintah bertindak sesuka hati sehingga boleh membawa kepada pemerintahan kuku besi. Rakyat yang bebas menegur pemerintah dapat menjadi pengimbang kepada kuasa yang ada di tangan pemerintah.

4. *Pengawasan rasmi oleh pemerintah (al-raqabah al-sultah al-rasmiah).*

Pengawasan ini adalah satu mekanisme yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi memantau perjalanan hidup rakyat keseluruhannya. Ia juga bertujuan untuk memantau pegawai-pegawai kerajaan, badan-badan perniagaan serta pemimpin kerajaan sendiri. Pengawasan ini mesti diwujudkan oleh pemerintah bagi melaksanakan tanggungjawab menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran (*al-amr bi al-*

ma'ruf wa al-nahy an al-munkar.). Ini juga selaras dengan contoh yang ditunjukkan oleh Rasulullah S.A.W. dan Khulafa' al-rasyidin dalam mentadbir negara. Bagi menjalankan tanggungjawab ini, maka pemerintah perlu mewujudkan badan pengawasan khas yang juga dikenali sebagai institusi Hisbah.

Prinsip penguatkuasaan

Sebagaimana yang telah dibincangkan, undang-undang Islam adalah satu perundangan yang bersifat menyeluruh dan tidak terpisah dari aspek aqidah, akhlak serta tanggungjawab terhadap Allah, sesama manusia dan alam. Sehubungan dengan itu menguatkuasakan undang-undang Islam juga dilakukan dengan tujuan yang luas. Ia bukan sahaja untuk memastikan undang-undang itu dikuatkuasakan tetapi ia juga berkaitan dengan tanggungjawab untuk melaksanakan dakwah, menyeru kepada kebaikan dan mencagah dari sebarang perbuatan munkar. Ia juga bagi memenuhi tanggungjawab sebagai seorang muslim dalam mematuhi perintah Allah yang menyeru kepada keadilan dan kesejahteraan umat.

Penguatkuasaan undang-undang Islam meliputi skop yang luas. Ia mencakupi soal jenayah, penipuan dalam urusan niaga, ketenteraman awam, rasuah, penyelewengan pegawai awam, lalu lintas dan lain-lain. Di samping itu penguatkuasaan dalam Islam juga meliputi pengawasan kepada amalan ibadat seperti

sembahyang lima waktu, sembahyang Jumaat, puasa dan zakat. Ia juga berkaitan dengan soal kekeluargaan, sosial dan moral seperti pergaulan bebas, keganasan rumahtangga, penderaan, hiburan tidak bermoral, perjudian dan sebagainya. Bahkan badan penguatkuasaan Islam juga mengawasi kesalahan yang berkaitan dengan kepercayaan dan pemikiran sesat seperti penyebaran ajaran salah, penghinaan terhadap agama dan amalan khurafat.

Di samping itu, Islam tidak membezakan antara rakyat biasa dengan golongan atasan seperti pemimpin negara. Semua pihak tertakluk kepada penguatkuasaan undang-undang Islam. Ini bermakna pemimpin yang tertinggi sekali pun tertakluk kepada hukuman dan pendakwaan oleh badan penguatkuasa atau oleh rakyat biasa. Kedudukan pemerintah yang setaraf dengan rakyat di sisi undang-undang ini terbukti dalam banyak peristiwa yang berlaku kepada Rasulullah dan *Khulafa al-Rasyidin*. Contoh-contoh yang mereka tunjukkan membuktikan bahawa Islam meletakkan para pemerintah juga tertakluk kepada penguatkuasaan undang-undang. Oleh yang demikian adalah penting untuk memastikan institusi penguatkuasa terdiri dari mereka yang bebas dan tidak berpihak.

Konsep menyeru kepada kebaikan dan mencegah mungkar (*al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy an al-munkar*.) menjadi teras kepada amalan pengautakuasaan dalam Islam. Tanggungjawab

amar makruf dan nahi munkar ini amat dititik beratkan oleh ajaran Islam. Ia menjadi tanggungjawab semua yang beriman. Tanggungjawab ini boleh dilaksanakan samada menggunakan kuasa, secara lisan, tulisan atau sekurang-kurangnya dengan perasaan benci kepada kemungkaran. Pemerintah menjadi pihak yang utama bertanggungjawab melaksanakan amar makruf dan nahi munkar ini kerana kuasa undang-undang dan pentadbiran terletak di tangan mereka. Tanggungjawab *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy an al-munkar* ini banyak disebut dalam al-Quran dan Sunnah di antaranya Allah berfirman (maksudnya):

“ Mereka yang apabila diberi kuasa pemerintahan (oleh Allah) di atas muka bumi ini, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, menyeru kepada perkara makruf dan mencegah perbuatan mungkar...”

Tugas menguatkuasakan undang-undang Islam perlu dilakukan dengan hikmah dan berperingkat. Ia dilakukan dengan mengambilkira akhlak sesama manusia serta hak asasi pihak yang didakwa melakukan kesalahan. Para ulama' telah mengariskan beberapa panduan untuk para penguatkuasa dalam menjalankan peranan mereka. Antaranya seperti yang disebut oleh Imam Ghazali tentang tahap-tahap dan pendekatan untuk pengawasan tempat awam. Antaranyanya menenalpasti kemungkaran itu dilakukan di tempat yang

terbuka yang tidak memerlukan pengintipan. Kemungkaran itu juga dilakukan oleh oleh seseorang yang jahil tentang kesalahannya. Memulakan pencegahan kemungkaran dengan nasihat serta mengingatkan dengan kesalahan yang buruk. Jika tidak diendahkan lagi, pencegahan boleh dilakukan dengan mengecam tindakan itu dengan kata-kata yang pedas dan kesat serta mengugut dan menakutkan. Jika masih tidak berkesan ia perlu dibawa kepada pihak berkuasa untuk diambil tindakan (al-Dhahiyah, 1986:139-40).

Tugas penguatkuasaan undang-undang Islam pada dasarnya terlatak ke atas bahu semua orang-orang Islam. Ini kerana setiap orang Islam mempunyai tanggungjawab untuk menyeru kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran. Namun demikian, Peranan yang paling besar dan utama adalah terletak di bahu pemerintah. Ini kerana pemerintah mempunyai kuasa dan kedaulatan tertentu yang tidak dimiliki oleh orang biasa. Dalam sejarah kerajaan Islam tanggungjawab menguatkuasakan undang-undang ini dilaksanakan sejak pemerintahan Nabi Muhammad S.A.W. melalui mekanisme tertentu sesuai dengan tuntutan semasa dan setempat. Dalam sejarah tamadun Islam terdapat satu institusi khusus yang berperanan menjalankan tugas ini iaitu institusi yang dikenali sebagai Hisbah.

Badan Hisbah

Hisbah adalah perkataan Arab yang berasal daripada sebutan *Hasaba* yang bermakna menghintung, menimbang atau menilai. Dengan pengertian inilah Hisbah dikaitkan sebagai satu institusi yang bertugas memerhati, meninjau dan memastikan supaya semua kerja berjalan di atas landasan menegakkan yang baik (*ma'ruf*) dan mencegah yang jahat (*munkar*) (al-Rayes, 1976:415-6). Pihak yang menjalankan tugas Hisbah ini dikenali sebagai *muhtasib*. Perlantikan *muhtasib* ini dibuat oleh pemerintah bagi membolehkan mereka berperanan dengan kuasa yang sah.

Hisbah adalah satu institusi yang sedia wujud sejak zaman pemerintahan Rasulullah S.A.W. di Madinah, walau pun pada waktu itu nama 'Hisbah' tidak diletakkan secara rasmi. Umpamanya, bagi mereka yang bertugas menyelia dan mengawasi perjalanan perniagaan di pasar dikenali sebagai 'Penyelia Pasar' (Sahib al-suq) atau 'Petugas di Pasar' (al-Amil fi al-Suq). Institusi Hisbah ini diteruskan oleh kerajaan Islam kemudiannya dengan penglibatan yang lebih luas dan menyeluruh. Ada di antara pemerintah memanggilnya dengan nama Hisbah, tetapi terdapat juga nama lain yang digunakan. Biar apa pun nama yang diberikan, institusi Hisbah ini wujud seiring dengan pemerintahan atau kerajaan Islam kerana ia adalah salah satu sendi utama pemerintahan Islam yang

tertegak di atas konsep *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy an al-munkar*.

Peranan Hisbah

Peranan Institusi Hisbah adalah untuk menguatkuasakan undang-undang Islam. Undang-undang Islam di sini meliputi soal peraturan jenayah, urusanniaga atau muamalat, rumahtangga, ketenteraman awam, keselamatan negara, perdagangan, pentadbiran awam, peraturan ibadah, akhlak, serta fahaman atau aqidah.

Dari sudut bidangkuasa, Institusi Hisbah mempunyai kaitan dengan institusi lain seperti institusi kehakiman (*al-Qada'*). Walau pun kedua-dua institusi ini mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk menguatkuasakan undang-undang, namun masing-masing mempunyai skop dan bidangkuasa yang tersendiri. Umpamanya, berbeza dengan institusi kehakiman, Institusi Hisbah hanya boleh mengendalikan kemungkaran yang nyata dan terbuka serta tuntutan yang jelas. Bagi jenayah yang tidak nyata serta tuntutan yang ada pertelingkahan, perkara itu diserahkan kepada institusi kehakiman. Muhtasib boleh bertindak tanpa pendakwaan, atau pengaduan, berbeza dengan mahkamah yang hanya boleh bertindak jika ada pengaduan atau pendakwaan.

Tegasnya, Institusi Hisbah adalah elemen pelengkap dalam penguatkuasaan undang-undang Islam. Kaedah penguatkuasaan dan hukuman secara langsung yang dilakukan oleh muhtasib merupakan sebahagian dari ajaran Islam yang mengarahkan umatnya mencegah kemungkar dengan ‘tangan’ atau kuasa apabila didapati terdapat maksiat berlaku di hadapan mata. Pesalah akan terus dikenakan tindakan tanpa perlu dibawa ke hadapan hakim. Tindakan yang dilakukan oleh muhtasib ini dibuat secara berperingkat dengan dimulakan dengan nasihat. Jika cara nasihat tidak diendahkan, barulah muhtasib mengambil langkah seterusnya berbentuk hukuman. Kaedah pelaksanaan undang-undang secara langsung ini berlaku jika kesalahan yang dilakukan adalah kecil dan terbuka. Kaedah ini tidak terpakai bagi kesalahan yang berat atau tersembunyi.

Di samping itu sejarah Islam menunjukkan bahawa institusi hisbah juga diberikan beberapa peranan yang khusus mengikut tempat dan sektor sosial. Umpamanya terdapat anggota institusi hisbah yang khusus menjaga pasar (*umana’ al-suq*) dan muhtasib yang pakar dalam pelbagai kemahiran dan perkilangan (*‘urafa’ al-hirai wal-sina’at*). Mereka berperanan untuk mengawasi segala bentuk penipuan, penyelewengan, pemalsuan, dan penyalahgunaan yang berlaku di premis perniagaan dan industri. Terdapat juga anggota institusi hisbah yang menjadi wakil di tempat-tempat strategik dari segi

ekonomi dan keselamatan seperti pelabuhan, kewasan sempadan dan tepian pantai. Terdapat juga anggota institusi hisbah yang dikenali sebagai petugas-petugas penguatkuasa (*al-a'awan, al-ghulam wa al-syurtah*) yang berperanan membantu muhtasib dalam usaha menguatkuasakan peraturan samada secara lembut atau keras.

Secara ringkasnya peranan institusi hisbah boleh terbahagi kepada 3 bahagian iaitu (Auni,2000:106-7):

1. Perkara-perkara yang berkaitan dengan hak-hak Allah. Perkara ini meliputi semua jenis ibadat seperti sembahyang, puasa, zakat, haji dan lain-lain. Muhtasib bertanggungjawab untuk memastikan suruhan Allah ini dijalankan oleh orang-orang Islam yang berada di kawasan jagaannya. Tugas ini termasuk dalam bidang menyeru manusia kepada kebaikan (*al amr bil makruf*). Terdapat juga bidang tugas melarang manusia dari melakukan kemungkaran (*al-nahyi anil-munkar*) seperti mengambil tindakan ke atas orang yang meninggalkan puasa atau enggan mengeluarkan zakat.
2. Perkara-perkara yang berkaitan dengan hak-hak manusia. Ia terdiri daripada dua iaitu hak umum dan hak khusus. Hak umum seperti jika terdapat gangguan atau sekatan dalam bekalan air, muhtasib perlu mengambil tindakan untuk mengatasinya. Sementara hak khusus pula adalah seperti

pencerobohan ke dalam tanah jiran, masalah hutang atau kecekapan dalam perusahaan.

3. Perkara-perkara yang menjadi hak bersama antara Allah dengan manusia. Umpamanya, muhtasib berperanan untuk menegur dan mengambil tindakan ke atas pegawai-pegawai awam serta pemimpin yang melakukan penyelewengan atau tidak menunaikan amanah kepimpinan. Muhtasib juga perlu bertindak menyuruh para wali menikahkan anak perempuan dengan lelaki yang setaraf dengannya seperti yang diminta oleh anaknya. Muhtasib bertanggungjawab mendesak pemilik haiwan supaya memberikan makanan yang mencukupi kepada haiwan ternakannya.

Peranan institusi hisbah berkembang mengikut peredaran zaman. Oleh kerana perkembangan dunia semakin pesat dan kehidupan semakin kempleks, maka peranan hisbah masa kini perlu lebih luas dan menyeluruh. Sebahagian dari peranan hisbah masa kini telah dilaksanakan melalui peranan pasukan polis, badan pencegah rasuah, kastam, imegresen, penguatkuasa kerajaan tempatan, jabatan alam sekitar, jabatan pengangkutan jalan, jabatan perdagangan dalam negeri dan sebagainya. Begitu juga peranan yang berkaitan dengan agama dijalankan oleh penguatkuasa jabatan agama. Namun demikian masih terdapat ruang pelaksanaan hisbah yang masih belum diisi.

Begitu juga dengan bentuk penguatkuasaan dan penghukuman secara langsung tidak dimiliki oleh badan penguatkuasa pada hari ini. Apa yang lebih penting institusi hisbah adalah institusi yang berakar umbi dari semangat menyeru kepada kebaikan dan mencegah mungkar (*al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy an al-munkar*). Konsep tersebut adalah amat luas yang menyentuh segenap sendi kehidupan manusia. Oleh yang demikian adalah penting untuk menyuburkan institusi hisbah dalam masyarakat hari ini.

Bidang kuasa

Bidang kuasa pengawasan adalah menjadi tugas terpenting institusi hisbah. Namun begitu institusi hisbah juga mempunyai bidangkuasa yang lain, iaitu meliputi kuasa untuk membuat pengawasan, mendengar tuduhan, mendengar dakwaan, menasihati atau menegur dan menghukum.. Walau bagaimana pun bidangkuasa tersebut adalah tertakluk kepada beberapa had tertentu bagi mengelakkan berlaku pertembungan tugas antara *muhtasib* dengan hakim.

Bidangkuasa pengawasan membolehkan muhtasib membuat pemantauan kepada sektor-sektor yang ditentukan. Umpamanya, ada muhtasib yang ditugaskan menjaga pasar dan pusat urusniaga, mengawal kegiatan pembuatan dan perusahaan, mengawasi sempadan dan sebagainya. Muhtasib

juga berperanan mencegah jenayah semasa membuat pengawasan di tempat-tempat yang ditentukan itu.

Muhtasib juga boleh mendengar tuduhan jenayah, dengan syarat tuduhan tersebut melibatkan kesalahan yang kecil dan berlaku secara nyata sahaja. Tuduhan yang berkaitan kemungkaran yang tidak nyata terletak di bawah tanggungjawab hakim. Begitu juga muhtasib boleh mendengar dakwaan mengenai hak-hak yang jelas tuntutananya. Manakala dalam perkara yang ada pertelingkahan yang memerlukan bukti, ia perlu dibawa ke mahkamah.

Muhtasib juga mempunyai bidangkuasa untuk menasihati dan menegur, bahkan jika perlu, dia boleh mengeluarkan kata-kata yang pedas dan mengherdik. Tindakan ini dibuat secara berperingkat-peringkat sesuai dengan reaksi yang diberikan oleh pihak yang dinasihati. Jika pihak yang dinasihati itu enggan mematuhi nasihat, maka muhtasib boleh memberikan ancaman hukuman dunia dan akhirat. Jika ancaman masih belum dapat mengubah sikap mereka, maka muhtasib boleh mengeluarkan kata-kata pedas yang mencela, mengutuk dan mengherdik (*al-zajr wal-ta'nib wal-taqri' bil-lisan*) (al-Ghazali, 1980:31-2). Jika tindakan itu masih belum berkesan, maka muhtasib berhak mengenakan hukuman ke atas mereka.

Bidangkuasa menghukum institusi hisbah adalah terhadap kerana hukuman yang dilaksanakan oleh badan hisbah adalah dalam konteks mencegah berlakunya munkar, dan ia hanya melibatkan kesalahan yang kecil sahaja. Bagi kesalahan yang besar, pengaduan mengenainya perlu dibawa ke mahkamah. Di antara bidangkuasa menghukum yang dimiliki oleh muhtasib adalah (Auni,2000:88-9):

1. Menggunakan tangan (*al-taghyir bil-yad*). Tindakan menggunakan tangan ini bukanlah bermaksud memukul tetapi cara menggunakan tangan sekiranya perlu seperti menumpahkan arak yang sedang diminum, mencabut baju sutera daripada lelaki yang memakainya, merosakkan tempat hiburan yang melaluikan orang ramai, memusnahkan buku-buku yang menyesatkan, membuang tanda salib yang digantung pada anggota orang Islam, memulangkan harta orang yang dirampas, menghalau penghuni rumah yang dimiliki secara tidak sah dan sebagainya.
2. Menggunakan sebatan dan manahan (*al-jild wal-habs*). Tindakan ini dilakukan sekiranya ugutan dan herdikan tidak menghentikan yang bersalah daripada mengulangi kesalahannya atau pesalah menunjukkan dengan nyata kesalahan yang dilakukan tanpa cuba menghormati larangan yang ditetapkan seperti mengulangi makan secara terbuka pada bulan Ramadhan, mendedahkan aurat

- anggota badan, dan meminum minuman keras secara terbuka. Kesemuanya dilakukan tanpa segan silu dalam khalayak ramai.
3. Menggunakan para pembantu atau senjata. Tindakan ini perlu dilakukan sekiranya orang yang melanggar undang-undang itu orang yang gagah dan cuba melawan dengan menggunakan kekerasan.
 4. Mengenakan pelbagai bentuk hukuman ta'zir. Hukuman ta'zir ini boleh dilaksanakan dengan pelbagai bentuk samada memukul, memenjarakan, menyingkirkan, merosakkan atau mengisytiharkan kesalahan pesalah di khalayak ramai. Kuasa ta'zir bergantung kepada budibicara muhtasib dan hukuman yang dijatuhkan setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

Berdasarkan kepada perbincangan diatas, dapat disimpulkan bahawa institusi hisbah mempunyai bidangkuasa yang agak luas walau pun ia tertakluk kepada batas-batas tertentu. Keluasan skop bidangkuasa institusi hisbah ini berkaitan dengan peranan utamanya iaitu menyeru kepada makruf dan mencegah perbuatan munkar yang sememangnya meliputi aspek yang luas. Kewujudan institusi hisbah adalah amat perlu bagi meningkatkan kecekapan usaha menguatkuasaan undang-undang Islam dalam masyarakat.

BAB 10:

UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH

Jenayah dalam bahasa Arab disebut dengan perkataan *al-Jinayah* atau *al-Jarimah*. Perkataan *al-Jinayah* ditakrifkan sebagai segala bentuk tindakan yang dilarang dan merosakkan, samada tindakan itu ke atas badan, harta atau sebagainya. Al-Mawardi mentakrifkan jenayah sebagai segala bentuk kesalahan menurut Syariah yang boleh dihukum berdasarkan hukum Allah samada ia adalah qisas, hudud atau ta'zir (al-Mawardi,1966:192). Takrif ini cuba membezakan kesalahan yang boleh dihukum dengan kesalahan yang tidak boleh dihukum oleh pemerintah. Ini menjadikan skop jenayah adalah besar kerana semua kesalahan yang boleh dihukum oleh pemerintah menurut syara' dianggap sebagai jenayah.

Islam menganggap jenayah satu kesalahan yang mesti dihukum kerana ia melanggar hak Allah dan hak manusia atau makhluk lain. Islam memandang tinggi kemuliaan agama, nyawa, akal, harta dan maruah. Pencabulan kepada lima perkara ini adalah jenayah yang perlu dihukum. Untuk menjadikan sesuatu tindakan itu dianggap jenayah, ia perlu memenuhi elemen-elemen berikut (Anwarullah, 1997:34):

- a. Elemen perundangan iaitu peruntukan yang jelas melarang tindakan jenayah itu dan menjadikannya sebagai kesalahan yang boleh dihukum.
- b. Elemen tindakan iaitu melakukan tindakan yang menjadi kesalahan itu
- c. Elemen kelayakan iaitu melihat kepada umur, keupayaan, dan tanggungan penjenayah berkenaan

Undang-undang Islam membahagikan jenayah kepada tiga pembahagian utama berasaskan kepada hukuman yang dikuatkuasakan, iaitu seperti berikut:

- a. Qisas dan diyat iaitu hukuman berkaitan dengan hak individu mangsa atau walinya. Umpamanya setelah hakim mendapati seseorang itu bersalah kerana membunuh, wali mereka boleh memilih samada untuk meneruskan hukuman qisas atau menggantikannya dengan diyat atau memaafkannya.

- b. Hudud iaitu hukuman yang berkaitan dengan hak Allah yang telah ditetapkan dengan jelas di dalam al-Quran dan Sunnah. Hudud melibatkan kesalahan zina, qazaf, mencuri, *hirabah*, minum arak, dan murtad. Hukuman hudud ini kekal dan tidak boleh diubah sehingga hari kiamat.
- c. Ta'zir iaitu hukuman selain dari hudud dan qisas. Hukuman bagi kesalahan dibawah qisas ini ditentukan oleh pemerintah atau hakim sesuai dengan suasana, penjenayah, kesalahan dan faktor lain.

Berikut adalah perbincangan secara mendalam bagi setiap pembahagian jenayah seperti yang telah disebutkan

Qisas dan diyat

Qisas bermaksud pembalasan yang serupa atas kejahatan yang dilakukan oleh penjenayah. Contohnya, bagi kesalahan bunuh dibalas dengan hukuman mati, bagi kesalahan membutakan mata dibalas dengan hukuman membutakan mata dan seumpamanya. Qisas berlaku dalam kes pembunuhan dan kes kecederaan atas anggota badan

Pertama: Pembunuhan (al-qatl)

Hukuman qisas bagi kes pembunuhan adalah berasaskan firman Allah:

Terjemahan: Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan ke atas kamu qisas dalam kes pembunuhan, iaitu orang merdeka dengan orang merdekan, hamba dengan hamba, wanita dengan wanita. Maka sesiapa yang mendapat pengampunan dari sudaranya hendaklah yang memaafkan) mengikuti dengan cara yang baik dan hendaklah (yang dimaafkan) membayar (diat) kepada yang memberi maaf dengan baik juga. Yang demikian itu satu keringanan dari Tuhan kamu dan satu rahmat, sesiapa yang melampaui batas selepas itu, maka baginya seksaan yang amat pedih. Dan pada Qisas itu ada (jaminan penerusan) hidup, hai orang-orang yang berakal, supaya kamu bertaqwa.

(Surah al-Baqarah 2:178-179)

Kebanyakan ulama membahagikan pembunuhan kepada tiga iaitu pembunuhan dengan sengaja (*qatl 'amd*), pembunuhan serupa sengaja (*qatl syibhu 'amd*) dan pembunuhan tidak sengaja (*qatl khata*). Setiap jenis pembunuhan ini dihukum dengan hukuman yang berbeza.

1. *Pembunuhan sengaja (qatl 'amd)*

Pembunuhan sengaja ialah apabila seseorang itu dengan sengaja dan dengan niat untuk mematikan seseorang hidup yang tidak halal dibunuh dengan menggunakan alat, bahan atau cara yang kebiasaannya boleh membunuh. Pembunuhan sengaja ini berlaku apabila memenuhi syarat berikut:

- a. Tertuduh itu orang mukallaf, iaitu dewasa dan siuman.
- b. Orang yang dibunuh itu adalah manusia yang masih hidup dan tidak halal darahnya.
- c. Alat, bahan atau cara yang digunakan itu kebiasaannya boleh membunuh
- d. Pembunuhan itu dilakukan dengan sengaja
- e. Kematian mangsa itu adalah akibat dari tindakan tertuduh.

Setelah memenuhi syarat di atas seseorang itu boleh didakwa, dan jika dia didapati bersalah, hukuman qisas boleh dikenakan ke atasnya. Hakim seterusnya akan menyerahkan hak qisas kepada wali kepada si mati. Wali mempunyai pilihan iaitu samada melaksanakan qisas, menerima diyat atau memaafkannya.

2. *Pembunuhan serupa sengaja (qatl syibhu amd)*

Imam Syafie mentakrifkan pembunuhan serupa sengaja ini sebagai ‘pembunuhan yang berlaku dengan pukulan yang disengajakan, tetapi tersalah pada kesan pembunuhannya, iaitu pukulan itu tidak bertujuan untuk membunuh tetapi ia menyebabkan kematian. Imam Abu Hanifah pula mentakrifkan pembunuhan serupa sengaja sebagai ‘pembunuhan yang menggunakan selain dari besi tajam, buluh atau api atau yang seumpamanya. Pembunuhan dengan tongkat, batu kecil atau besar dan menenggelamkan dalam air adalah pembunuhan serupa sengaja (Abdul Ghani, 1997: 187). Kedua-dua takrif ini berasaskan pendekatan berbeza. Takrif pertama melihat kepada niat pembunuh sementara takrif kedua menekankan soal alat yang digunakan untuk pembunuh. Takrif pertama lebih baik kerana ia lebih luas dan turut mencakupi takrif yang dibuat oleh Imam Abu Hanifah. Ini kerana alat pembunuhan yang digunakan menunjukkan niat pembunuh itu.

Hukuman bagi pembunuhan serupa sengaja ini telah disebut di dalam satu Hadith iaitu Rasulullah s.a.w. bersabda:

Terjemahan: Ketahuilah bahawa pembunuhan serupa sengaja dengan cemeti, tongkat atau batu padanya diat berat iaitu seratus ekor unta dan 40 ekor

daripadanya adalah unta betina yang berumur dari enam hingga sembilan tahun, semuanya sedang bunting.

3. Pembunuhan tidak sengaja (*qatl khata'*)

Pembunuhan tidak sengaja adalah perbuatan yang menyebabkan kematian tetapi tidak dilakukan dengan niat membunuh. Hukumannya adalah diyat sebanyak seratus ekor unta. Hukuman diyat ini berasaskan firman Allah:

Terjemahan: Sesiapa yang membunuh orang beriman dengan tidak sengaja maka dia perlu membebaskan seorang hamba dan membayar diyat kepada keluarga si mati kecuali jika mereka (keluarga si mati) memaafkannya.

Kesalahan mencederakan anggota badan

Kesalahan mencederakan adalah tindakan yang melukakan, mencacatkan, atau menyakitkan ke atas anggota atau mana-mana bahagian badan. Ia juga dibahagikan kepada kecederaan dengan niat dan kecederaan tidak sengaja. Hukuman bagi kecederaan adalah seperti berikut:

- a. *Qisas* iaitu hukuman kecederaan ke atas anggota yang dcederakan. Hukuman ini dikenakan ke atas anggota yang mempunyai sendi-sendi dan dapat dipastikan persamaannya seperti jari-jari tangan dan kaki, mata, telinga, hidung, tangan, kaki, kemaluan lelaki dan gigi. Bagi anggota lain, hukumannya diganti dengan diat kerana sukar untuk dipastikan persamaannya (Abdul Ghani, 1997: 194). Hukuman qisas ini dijatuhi ke atas kecederaan secara sengaja.
- b. *Diyat* iaitu hukuman gantirugi atau denda yang dikenakan sebagai gantirugi ke atas anggota badan yang dipotong atau dilukakan oleh penjenayah. Diat dikenakan jika pesalah melakukan kesalahan kecederaan tidak sengaja atau jika hukuman qisas tidak dapat dijalankan dengan sebab-sebab tertentu seperti penjenayah sememangnya cacat, atau mangsa telah memaafkannya dari pelaksanaan qisas. Kadar diyat ini ditetapkan berasaskan anggota yang dcederakan contohnya 100 ekor unta bagi anggota yang tunggal seperti lidah, kemaluan lelaki, 50 ekor unta pula didenda bagi anggota kembar seperti telinga dan seterusnya. Kadar diyat juga boleh dikira berasaskan fungsi anggota tersebut seperti 100 ekor unta untuk kehilangan fungsi pendengaran dari kedua-dua telinga, dan kehilangan fungsi menghidu dan seterusnya. Diyat juga boleh dilihat dari sudut kadar luka umpamanya luka yang mengena

daging setelah kulit (*al-badhi'ah*) diyatnya 3 ekor unta, luka yang masuk dalam daging (*al-mutalahimah*) diyatnya 4 ekor unta, luka yang mematahkan tulang (*al-hasyimah*) diyatnya 10 ekor unta dan seterusnya.

Tegasnya hukuman qisas dalam kes pembunuhan dan kecederaan menunjukkan keadilan Islam iaitu memberikan hukuman setimpal dan sama dengan kesalahan yang dilakukan. Hukuman ini akan menjadikan penjenayah akan lebih takut untuk melakukan jenayah, baik jenayah pembunuhan atau kecederaan. Qisas tertakluk kepada hak mangsa kecederaan atau wali si mati kerana fitrah manusia yang inginkan sesuatu kejahatan yang dilakukan ke atas diri seseorang atau keluarganya dibalas dengan seadilnya. Cara ini dapat mengelakkan dari berlakukan permusuhan dan pertentangan berlarutan akibat dari jenayah yang berlaku. Hukuman diyat pula membuktikan betapa Islam mengutamakan hubungan kemanusiaan sesama anggota masyarakat. Sikap bermaaf-maafan adalah satu perkara yang amat di alu-alukan bagi memadam dendam yang berpanjangan.

Hudud

Hudud dari segi bahasa bermaksud sempadan, had, halangan atau sekatan. Dari sudut istilah pula bermaksud hukuman yang tidak boleh dipinda yang ditetapkan oleh Allah dalam Al-Quran

dan Sunnah. Hudud dianggap sebagai hak Allah, dan hukumannya tidak boleh diubah, dipinda, ditambah atau dikurangkan oleh badan perundangan, pemerintah atau hakim.

Terdapat enam kesalahan hudud yang disepakati oleh semua ulama, iaitu:

- a. Zina
- b. Qazaf (Menuduh seseorang melakukan zina tanpa saksi)
- c. Mencuri
- d. Hirabah (rompakan)
- e. Minum arak
- f. Murtad

Kesalahan lain yang tidak disepakati oleh para ulama adalah pemberontakan (*al-baghyu*), liwat, hubungan sex dengan haiwan, sihir, lari dari medan perang, dan beberapa kesalahan lagi.

1. Zina

Zina adalah persetubuhan antara seorang lelaki dengan seorang wanita yang bukan pasangan suami isteri. Zina adalah perbuatan keji yang diharamkan. Semua persetubuhan di luar perkahwinan adalah zina kecuali dalam kes *wat'i syubhah* iaitu persetubuhan yang dilakukan oleh seorang lelaki dengan seorang perempuan yang disangka adalah isterinya yang sah

sedangkan perempuan tersebut adalah orang lain. *Wat'i syubhah* juga berlaku apabila dia bersetubuh yang seorang perempuan kerana perkahwinan yang disangkakan sah sedangkan perkahwinan itu adalah tidak sah.

Sesuatu kesalahan zina boleh disabitkan melalui cara *iqrar* atau pengakuan penzina sendiri seperti yang berlaku dalam kes Ma'iz bin Malik dan kes pengakuan zina oleh al-Ghamidiyah pada zaman Rasulullah dan kes pengakuan zina anak kedua Sayyidina Umar bernama Ubaidillah atau Abi Shamhah, ketika dia menjadi Khalifah. Menurut Abdul Rahman I. Doi (1990), kebanyakan hukuman hudud yang dijalankan pada zaman Rasulullah dan empat Khulafa al-Rasyidin dijatuhkan berasaskan kepada *iqrar* atau pengakuan.

Selain dari itu zina juga boleh disabitkan melalui kesaksian empat orang saksi lelaki Muslim serta mukallaf dan adil. Saksi itu juga menyaksikan kejadian zina iaitu kemaluan lelaki masuk ke dalam kemaluan perempuan secara jelas serta mereka perlu memberikan kesaksian menggunakan perkataan yang terusterang bukan kiasan atau sindiran.

Hukuman zina adalah berbeza mengikut status penzina. Penzina yang sudah berkahwin secara sah dan telah menikmati persetubuhan dalam perkahwinan itu dikenali sebagai '*muhsan*'. Penzina yang belum berkahwin atau sudah

berkahwin tetapi belum merasai nikmat persetubuhan dalam perkahwinan itu, pesalah itu dikenali sebagai *ghairu muhsan* atau bukan *muhsan*. Hukuman mereka adalah seperti berikut:

- a. Bagi pezina bukan *muhsan* hukumannya adalah sebat sebanyak seratus kali sebatan. Hukuman bagi wanita yang mengandung ditangguhkan sehingga tempoh penyusuan amat. Hukuman bagi pezina yang sakit ditangguhkan sehingga dia sembuh. Rotan yang digunakan tidak terlalu besar dan tidak terlalu kecil iaitu lebih kurang satu meter panjang dan satu sentimeter garis pusat. Sebatan dibuat pada merata-rata tubuh kecuali muka, kepala, dada dan kemaluan. Sebatan mesti dilakukan secara sederhana iaitu pegawai yang menjalankan hukuman tidak boleh mengangkat rotan itu tinggi hingga ke paras kepalanya. Pesalah dihukum dengan memakai pakaian yang nipis menutup aurat. Jika semasa sebatan dilakukan, pesalah itu didapati tidak mampu menerima sebatan, maka atas pengesahan pegawai perubatan, sebatan itu perlu ditangguhkan sehingga pesalah itu sembuh kembali. Bagi hukuman yang sabit dengan *iqrar* atau pengakuan, pesalah boleh menarik balik *iqrarnya* ketika hukuman dijalankan.

Hukuman ini adalah ketetapan Allah berasaskan firmanNya:

Terjemahan: Penzina wanita dan penzina lelaki hendaklah disebat dengan seratus kali sebatan dan janganlah perasaan belas kepada kedua-duanya menghalang kamu dalam menegakkan agama Allah, jika sekiranya kamu beriman dengan Allah dan hari akhirat.⁶

- b. Bagi penzina *muhsan*, hukumannya adalah rejam dengan batu yang sederhana besar sehingga mati. Hukuman dilakukan secara terbuka dan disaksikan oleh orang-orang Islam. Hukuman bagi wanita yang mengandung dan orang sakit juga ditangguhkan seperti dalam kes penzina bukan *muhsan*. Pesalah dikenakan pakaian yang menutup aurat. Bagi pesalah yang sabit kerana *iqrar*, mereka boleh menarik balik *iqrar* ketika hukuman berjalan.

Hukuman rejam ini adalah ketetapan Allah seperti yang termaktub di dalam Sunnah Nabi S.A.W. di antaranya:

Terjemahan: Dari Abi Hurairah r.a.: Seorang lelaki datang menemui Rasulullah s.a.w. ketika baginda sedang berada dalam masjid. Dia memanggil Nabi lalu berkata: Ya Rasulullah, saya telah berzina. Rasulullah tidak

⁶ Surah an-Nur: 2

memandangnya, memalingkan diri daripadanya. Orang itu mengulangi kata-kata itu sehingga empat kali. Maka setelah ia mengaku sebanyak empat kali, Nabi memanggilnya dan berkata: Adakah awak gila? Dia menjawab: Tidak. Rasulullah bertanya: Adakah engkau muhsan? Dia menjawab: Ya. Maka Rasulullah bersabda: Bawalah dia dan rejamkanlah dia, maka kami pun merejamnya.

(Muttafaq ‘alayh)

2)Terjemahan: *Tidak halal darah seorang muslim kecuali kerana salah satu dari tiga perkara: kafir sesudah beriman, berzina sesudah ihsan (muhsan), membunuh nyawa bukan kerana nyawa (qisas)*

Hukuman zina hanya dikenakan jika ia dilakukan secara sukarela. Jika ia dilakukan secara paksa atau dirogol maka ia dikecualikan dari hukuman. Islam mengharamkan zina dan mengenakan hukuman keras ke atas pelakunya kerana zina adalah perbuatan yang sangat jijik yang boleh meruntuhkan institusi kekeluargaan dan moral masyarakat.

2. Qazaf

Qazaf bermaksud membuat tuduhan zina terhadap seorang Islam yang akil baligh dan dikenali sebagai seorang yang bersih

dari perbuatan zina tanpa dibuktikan dengan empat orang saksi. Qazaf boleh berlaku dengan membuat kenyataan secara jelas seperti mengatakan seseorang itu telah berzina, atau dengan cara tersirat seperti menyatakan bahawa seseorang itu bukan anak atau bukan bapa kepada seseorang yang tertentu.

Orang yang melakukan qazaf disebat dengan 80 kali sebatan kecuali jika dia dapat membawa 4 orang saksi yang dapat mensabitkan kesalahan orang yang dikatakan berzina tadi dengan kesalahan zina. Hukuman ini berasaskan kepada kepentingan kehormatan dan maruah di kalangan masyarakat. Ia juga untuk memastikan tidak ada sebarang tuduhan zina yang dibuat tanpa asas yang kukuh, kerana tuduhan zina itu suatu yang amat memalukan dan boleh memporak-perandakan keharmonian keluarga.

Hukuman hudud ke atas pesalah qazaf adalah satu ketetapan Allah berasaskan firmanNya:

Terjemahan: Dan orang-orang yang menuduh wanita-wanita yang muhsanat(baik) dan kemudian mereka gagal membawa empat orang saksi, maka sebatlah mereka dengan lapan puluh sebatan...

(Surah al-Nur :4)

3. Mencuri

Mencuri atau sariqah ditakrifkan sebagai memindahkan dengan cara bersembunyi harta alih daripada jagaan atau milikan tuannya tanpa persetujuan tuannya dan perbuatan itu dilakukan dengan niat untuk menghilangkan harta itu daripada jagaan atau milikan tuannya. Kecurian apak berlaku apabila memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Nilai harta yang dicuri itu mencukupi nisab iaitu $\frac{1}{4}$ dinar emas (9.36 gram emas) atau tiga dirham perak.
- b. Harta itu adalah bernilai menurut syara', jadi mencuri arak, dadah dan seumpamanya tidak dikenakan hukuman hudud.
- c. Harta yang disimpan itu berada di tempat yang sesuai iaitu pemiliknya mengambil langkah yang wajar untuk menjaga harta itu
- d. Tertuduh bukan pemilik penuh ke atas harta itu
- e. Kesalahan itu tidak dilakukan dalam keadaan amat mendesak, seperti perang, kebuluran, penyakit dan bencana lam
- f. Pencuri itu bukan keluarga pemilik barang
- g. Tuan punya harta tidak menafikan tentang kecurian itu walau pun pesalah mengakuainya

Hukuman bagi kesalahan mencuri adalah potong tangan kanan iaitu di bahagian pergelangan tangan pada sendi yang

menyambungkan tapak tangan dengan lengan. Bagi kesalahan kedua, dikenakan hukuman potong kaki kiri dipergelangan buku lali iaitu di bahagian tengah kaki, manakala tumit kaki masih boleh digunakan untuk berdiri atau berjalan. Hukuman ini berasaskan firman Allah:

Terjemahan: Pencuri lelaki dan pencuri wanita, maka hendaklah dipotong tangan kedua-duanya sebagai balasan atas apa yang mereka lakukan dan sebagai pengajaran yang dapat mencegah dari Allah, sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

(Surah al-Ma'idah : 38)

4. Hirabah

Hirabah adalah perbuatan merampas harta orang lain dengan kekerasan atau ugutan oleh seseorang atau kumpulan yang bersenjata atau alat yang boleh digunakan sebagai senjata. Rompakan adalah satu jenayah yang besar dan bahaya. Oleh itu hukuman yang dikenakan ke atas mereka mestilah berat dan keras. Berbeza dengan pemberontakan, jenayah hirabah ini tidak dilakukan untuk tujuan politik tetapi semata-mata untuk merampas harta dan merosakkan keamanan negara. Hukuman hirabah ini berasaskan firman Allah:

Terjemahan: Sesungguhnya balasan orang-orang yang yang memerangi Allah dan Rasulnya dan berbuat kerosakan di atas muka bumi ini adalah agar mereka dibunuh ataudisalib atau dipotong tangan dan kaki mereka secara bersilangatau dibuang negeri...

Berdasarkan ayat ini, terdapat percanggahan pendapat ulama berkaitan dengan hukuman kesalahan hirabah. Al-Quran menyebut tiga bentuk hukuman iaitu: hukuman mati, hukuman salib, hukuman potong tangan serta kaki secara bersilang dan buang negeri. Kebanyakan ulama menghuraikan hukuman hirabah seperti berikut:

- a. dihukum bunuh dan selepas itu disalibkan jika mangsa jenayah itu dibunuh dan hartanya atau harta orang lain diambil
- b. dihukum bunuh sahaja jika mangsa jenayah itu dibunuh dengan tiada sebarang harta diambil
- c. dihukum potong tangan kanan dan kaki kiri, jika harta diambil tanpa menyebabkan kematian atau kecederaan mangsa
- d. hukuman buang negeri bagi pesalah yang hanya mengganggu lalu-lintas sahaja

5. *Syurb* atau Meminum arak

Syurb di sini membawa maksud meminum arak atau sebarang minuman yang memabukkan. Arak adalah ibu segala kejahatan dan ia boleh mendorong kepada jenayah-jenayah lain. Hukuman bagi peminum arak adalah sebatan sebanyak 40 kali. Ada ulama yang menetapkan sebatan sebanyak 80 kali. Kedua-dua pendapat ini berasaskan hadith berikut:

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Anas bin Malik r.a. bahawa seorang peminum arak telah dibawa ke hadapan Rasulullah s.a.w. maka baginda memukulnya dengan pelepah tamar sebanyak 40 kali. Kata Anas: begitulah juga dilakukan oleh Khalifah Abu Bakar. Apabila zaman Khalifa Umar, beliau bermesyuarat bersama para sahabat lalu Abdul Rahman bin Auf berkata bahawa, sekurang-kurangnya hukum hudud itu adalah 80 kali sebatan. Lalu Umar mengarahkan hukuman 80 kali sebatan.

(Muttafaq 'alayh)

Hukuman hudud ini dikenakan kalau peminum itu meminumnya dengan sengaja dan mengetahui minuman tersebut adalah arak. Tiada bukti yang menunjukkan Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam menetapkan alat-alat tertentu untuk menyebat peminum arak. Kadang-kadang baginda

menyebat dengan selipar, kadang-kadang dengan pelepah tamar, kadang-kadang dengan rotan dan kadang-kadang dengan tangan dan selipar.⁷ Kaedah merotan dengan alat yang berbeza-beza ini menunjukkan betapa hukuman undang-undang Islam tidaklah bersifat kasar dan keras seperti yang didakwa. Ia jauh berbeza dengan cara sebatan yang digunakan dalam sistem hukuman yang diperkenalkan oleh undang-undang Barat. Fakta ini menunjukkan bahawa tujuan terpenting hukuman ini adalah untuk mendidik dan memberi peringatan kepada pesalah tadi, bukan untuk menyeksa dan menyakitkannya. Apa yang penting undang-undang Islam boleh menimbulkan rasa gerun kepada rakyat agar tidak melakukan sebarang jenayah.

6. *Riddah*

Riddah atau *irtidad* adalah kesalahan yang dilakukan oleh seseorang Islam yang mukallaf dengan membatalkan Islam dan imannya iaitu keluar dari agama Islam samada dengan perkataan, atau perbuatan. Orang yang keluar dari agama itu disebut sebagai *murtad*. Jenayah adalah satu kesalahan yang besar terhadap agama, kerana ia menunjukkan satu penghinaan terhadap agama dan kepada Allah.

⁷ Abdul Ghani Azmi b. Idris, *Mengenal Qanun Jenayah Islam*, ms. 56

Hukuman bagi kesalahan riddah adalah dibunuh sehingga mati setelah diberi peluang bertaubat selama beberapa hari. Hukum ini berdasarkan beberapa dalil berdasarkan hadith, antaranya:

Terjemahan: *Dari Ibn Abbas r.a. Rasulullah s.a.w. bersabda: Sesiapa yang menukar agamanya, maka bunuhlah dia*

(Bukhari dan Abu Dawud)

Terjemahan: *Dari Ibn Mas'ud r.a, bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Tidak halal darah seorang muslim kecuali dalam salah satu dari tiga perkara: kafir sesudah beriman, berzina sesudah muhsan dan membunuh jiwa tanpa jiwa.*

(Muttafaq 'alayh)

Terjemahan: *Dari Abu Burdah bahawa Mu'az bin Jabal datang menemui Abu Musa Al-Asya'ai di Yaman, didapati ada seorang lelaki di sebelahnya. Mu'az bertanya: Apa ini? Abu Musa menjawab: (Dia) seorang Yahudi memeluk Islam kemudiannya dia kembali menjadi Yahudi, dan kami menghendaki dia kembali kepada Islam semenjak- perawi berkata: aku kira – dua bulan. Kata Mu'az: Demi Allah aku tidak akan duduk sebelum, kamu penggal lehernya, lalu orang itu pun dipenggal lehernya. Mu'az berkata: Allah dan*

RasulNya memutuskan bahawa sesiapa yang murtad dari agamanya hendaklah kamu membunuhnya, atau baginda bersabda: Sesiapa yang menukar agamanya hendaklah kamu membunuhnya.

(Ahmad)

Ta'zir

Ta'zir adalah hukuman yang tertakluk kepada budi bicara pemerintah, badan perundangan atau hakim kerana hukuman bagi kesalahan ini tidak disebut di dalam al-Quran atau Sunnah. Skop kesalahan ta'zir adalah luas kerana semua bentuk kesalahan yang tidak tertakluk kepada hukuman qisas dan hukuman hudud adalah tertakluk kepada hukuman ta'zir. Bentuk hukuman adalah berbagai-bagai dan tertakluk kepada budi bicara pemerintah, badan perundangan atau hakim.

Ta'zir terbahagi kepada dua iaitu:

- a. Kesalahan yang termasuk dalam kategori kesalahan hudud tetapi hukuman hudud tidak dapat dilaksanakan kerana ia tidak memenuhi syarat pelaksanaannya. Syeikul Islam Ibnu Taimiyyah menyebut: Maksiat-maksiat yang tidak dikenakan hukuman had yang tertentu dan tidak pula dikenakan kifaraf adalah termasuk dalam ta'zir seperti orang yang mencium lelaki atau wanita ajnabi, bercumbu-

cumbuan, atau mencuri barang yang tidak diletakkan di tempat yang wajar, atau barang yang dicuri tidak cukup nisab.

- b. Kesalahan yang selain dari kategori kesalahan hudud dan qisas. Ia meliputi semua bentuk kesalahan samada kesalahan itu disebut dalam al-Quran dan Hadith atau tidak. Ia juga mencakupi kesalahan terhadap hak Allah, terhadap hak manusia atau hak kedua-duanya.

Sebahagian dari kesalahan ta'zir disebut dalam al-Quran dan Sunnah, tetapi hukumannya tidak dinyatakan. Al-Quran ada menyebut beberapa kesalahan tanpa menyebut hukumannya. Contohnya kesalahan memakan makanan haram seperti bangkai, darah, daging babi dan daging yang tidak disembelih secara sah (Surah al-Baqarah:173), tidak menunaikan amanah atau melanggar kontrak serta tidak menjatuhkan hukuman dengan adil (Surah al-Nisa':58), mengkhianati harta anak yatim (Surah al-Nisa':2), menipu dalam sukatan atau timbangan (Surah al-Mutaffifin: 3), mengenakan dan memakan riba (Surah al-Baqarah:275), menyembunyikan keterangan atau bukti (Surah al-Hajj: 30), membuat fitnah, menghina atau memburukkan nama seseorang (Surah al-Hujurat: 11), melakukan rasuah (Surah al-Baqarah:188), berjudi dan menilik nasib (Surah al-Ma'idah: 90) dan banyak lagi.

Sementara hukuman ta'zir bagi kesalahan yang tidak terdapat dalam al-Quran atau Sunnah adalah lebih luas kerana semua bentuk pelanggaran undang-undang yang dikuatkuasakan untuk masalah umum boleh dihukum secara taazir. Perkembangan hidup manusia yang semakin kompleks menuntut agar pemerintah Islam sentiasa peka dengan keperluan undang-undang untuk menjamin keharmonian dan kebahagiaan rakyat. Semua kesalahan seperti yang melibatkan kesalahan lalu lintas, jenayah siber, jenayah bio-teknologi, jenayah perdagangan, kesalahan yang melibatkan tempat awam, kesalahan yang melibatkan alam sekitar dan hidupan liar dan banyak lagi adalah termasuk di dalam kesalahan ta'zir.

Jenis-jenis hukuman ta'zir adalah tidak terhad kerana ia bergantung kepada masalah, bahkan pemerintah, badan perundangan atau hakim boleh mengenakan apa sahaja hukum dengan syarat ia setimpal dengan kesalahan dan menepati masalah umum. Dalam sejarah Islam terdapat beberapa hukuman yang pelik yang dilakukan oleh pemerintah dan hakim. Contohnya Sayyidina Umar pernah menghitamkan muka orang yang membuat kesaksian palsu dan orang itu dinaikkan atas binatang tunggangan secara tebalik. Walau bagaimanapun, hukuman yang biasa dijatuhkan adalah seperti berikut:

- a. Mencela iaitu kepada orang yang melakukan tindakan yang tidak sopan. Abu Zar pernah mengaibkan seseorang, lantas Rasulullah s.a.w. bersabda maksudnya: *Sesungguhnya engkau ini masih ada pada mu (saki-baki) Jahiliyyah* (al-Bukhari)
- b. Membuat pengisytiharan kepada orang ramai
- c. Mengasingkan pesalah dari masyarakat seperti hukuman Rasulullah ke atas Kaab bin Malik, Murarah bin al-Rabi' dan Hilal bin Umayyah al-Wafiqi yang tidak menyertai peperangan Tabuk.
- d. Amaran atau ancaman
- e. Tahanan atau penjara
- f. Pukulan dengan rotan
- g. Merampas harta benda
- h. Denda dengan wang atau harta
- i. Buang negeri
- j. Pemusnahan barang-barang
- k. Hukuman mati
- l. Memecat jawatan

BAB 11:

KEINDAHAN UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH

Undang-undang jenayah Islam mempunyai kelebihan tersendiri berbanding undang-undang jenayah sivil yang kebanyakannya datang dari negara Barat. Di Malaysia umpamanya undang-undang jenayah kebanyakannya diperuntukkan di dalam Kanun Keseksaan (Akta 574) yang diveduk dari Kanun Keseksaan India. Kanun Keseksaan India ini adalah sebenarnya berasal dari kaedah-kaedah perundangan Common Law England yang dikumpulkan dan ditulis dalam bentuk akta atau Kanun. Selain Kanun Keseksaan, undang-undang jenayah juga terdapat dalam akta-akta tertentu seperti Akta Dadah Berbahaya, Akta Kastam 1967, Akta Pencegahan Rasuah 1997, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1957, Akta Rahsia Rasmi 1983 dan lain-lain. Sementara prosedur jenayah pula diperuntukkan dalam Kanun Prosedur

Jenayah (NMB. Bab 6), Akta Keterangan dan akta-akta berkaitan mahkamah.

Oleh kerana sumber kedua-dua undang-undang ini adalah berbeza maka terdapat beberapa perbezaan di antara undang-undang jenayah Islam dan undang-undang jenayah sivil. Antara perbezaan di antara undang-undang jenayah Islam dan undang-undang jenayah sivil adalah:

1. Undang-undang Islam adalah dari Allah sedangkan undang-undang sivil adalah ciptaan manusia.

Allah yang memiliki segala sifat kesempurnaan tentunya membuat undang-undang yang terbaik dan paling sesuai untuk manusia. Bahkan manusia ini adalah ciptaan Allah, maka Allah tentu Maha Mengetahui apakah undang-undang jenayah yang sesuai dengan fitrah manusia. Undang-undang ciptaan manusia terdedah dengan seribu satu kelemahan kerana ilmu dan kebolehan manusia adalah terhad. Tambahan pula manusia sentiasa terpengaruh dengan keadaan persekitaran, latar belakang keluarga, pendidikan, dorongan nafsu dan hasutan syaitan. Kerana itulah undang-undang manusia sentiasa berubah umpamanya dahulu homoseksual dianggap sebagai satu jenayah, tetapi hari ini ia tidak lagi dianggap satu kesalahan, bahkan ia diangkat sebagai satu amalan yang sah melalui perkahwinan seperti yang diamalkan di negara-negara tertentu.

2. Undang-undang jenayah Islam tidak terpisah dengan aspek aqidah iaitu keimanan kepada perkara ghaib.

Beriman dengan kebenaran dan kehebatan undang-undang jenayah Islam adalah wajib kerana ia termaktub di dalam al-Quran dan Sunnah. Demikian juga undang-undang Islam tidak memisahkan soal pembalasan di dunia dengan pembalasan di akhirat. Unsur kepatuhan kepada Allah, konsep pembalasan di akhirat, serta konsep dosa dan pahala mendorong rakyat menjauhi jenayah. Ini kerana mereka bukan sahaja takut kepada hukuman di dunia bahkan mereka lebih takut hukuman di akhirat yang lebih dahsyat dan lebih lama. Oleh yang demikian mereka akan mengelakkan diri dari melakukan jenayah dengan bersungguh-sungguh walau pun jenayah itu boleh dilakukan di luar pengetahuan penguatkuasa undang-undang. Secara tidak langsung ia dapat mengurangkan kadar jenayah. Begitu juga bagi yang terlanjur melakukan jenayah, mereka akan lebih bersedia untuk tampil menyerahkan diri mereka untuk dihukum dengan undang-undang Islam demi untuk mengelakkan hukuman di akhirat. Inilah yang berlaku pada zaman Rasulullah, dan Khulafa' al-Rasyidin. Berbeza dengan undang-undang sivil yang langsung tidak ada hubungan dengan iman atau aqidah. Keberkesanan undang-

undang sivi bergantung sepenuhnya kepada kekerasan undang-undang, penguatkuasaan dan pengawalan pemerintah.

- 3. Ruang lingkup jenayah atau kesalahan dalam Islam adalah lebih luas iaitu mencakupi kesalahan yang bersabit hak Allah, hak manusia serta hak Allah bersama-sama hak manusia.*

Undang-undang jenayah Islam meliputi berbagai bentuk kesalahan seperti yang berkaitan dengan kepercayaan atau keimanan, umpamanya hukuman ke atas mereka yang murtad. Undang-undang Islam juga menyentuh hukuman ke atas kesalahan berkaitan ibadat seperti mereka yang meninggalkan solat, solat Jumaat, puasa pada bulan Ramadhan dan haji. Undang-undang jenayah Islam juga amat menitik beratkan soal akhlak seperti hukuman kepada mereka yang berzina, berkhalwat, berjudi dan minum arak. Berbeza dengan hukuman jenayah sivil yang tidak menganggap sesetengah jenayah seperti murtad, zina, meninggalkan solat, minum arak dan judi sebagai satu jenayah. Ini kerana soal unsur-unsur iman, ibadat dan akhlak tidak menjadi perkiraan yang penting bagi penggubal undang-undang ini.

4. *Undang-undang jenayah Islam mengutamakan aspek pencegahan melalui kaedah yang unik dan amat menarik.*

Hukuman yang terdapat di dalam undang-undang Islam seperti sebat dan rejam bagi pezina dilihat sebagai berat dan menggerunkan oleh sesetengah pihak. Ini menjadikan rakyat takut untuk melakukan jenayah zina. Sedangkan pensabitannya adalah sukar kerana syarat-syarat untuk mensabitkan hukuman adalah amat ketat. Umpamanya ia memerlukan empat saksi lelaki yang tidak fasik yang melihat secara jelas apa yang berlaku. Ini menjadikan jumlah sebenar yang dikenakan hukuman yang dianggap berat ini adalah sedikit. Jika zina tidak dapat dibuktikan, mereka mungkin dikenakan hukuman ta'zir yang lebih ringan. Bahkan pada zaman Rasulullah s.a.w. dan Khulafa al-Rasyidin, hukuman hudud seperti zina kebanyakannya disabitkan melalui *iqrar* atau pengakuan bukan melalui empat orang saksi kesaksian. Begitu juga dalam Islam terdapat hukum yang berbentuk pencegahan umpamanya pengharaman berdua-duaan bagi lelaki dan wanita ajnabi bertujuan untuk mengelakkan zina, pengharaman arak untuk mengelakkan jenayah yang lebih besar seperti membunuh dan lain-lain. Konsep pencegahan begini tidak diambil berat oleh undang-undang jenayah sivil, kerana ia lebih menumpukan kepada kepada aspek menghukum dan membalas.

5. *Undang-undang jenayah Islam tidak dapat dipisahkan dari konsep menyeru kepada kebaikan dan mencegah perbuatan munkar (al-amr bil makruf wa al nahyi anil munkar).*

Konsep ini banyak membantu mengurangkan jenayah. Islam bukan sahaja mengarahkan kejahatan diperangi bahkan menyeru agar kebaikan disebarluaskan. Mereka yang biasa dengan amalan kebaikan dan ibadat akan terhindar dari melakukan kemunkaran dan jenayah. Umpannya ibadat solat yang disebut oleh Allah sebagai ibadat yang dapat mencegah munkar. Ibadah puasa pula disebut oleh Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam sebagai amalan yang dapat mengekang hawa nafsu syahwat. Begitu juga dengan amalan makruf yang lain. Konsep *al-amr bil makruf wa al nahyi anil munkar* ini mengajak seluruh rakyat terutamanya umat Islam untuk bersama-sama membenteras jenayah. Bahkan, mereka juga dibenarkan untuk membuat tangkapan jika mempunyai asas kukuh. Kewujudan Badan Hisbah selaku badan rasmi yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk melaksanakan konsep *al-amr bil makruf wa al nahyi anil munkar* ini juga dapat membantu mengurangkan jenayah. Dengan cara ini para penjenayah akan lebih berhati-hati dalam segala tindakan mereka. Konsep ini tidak ada dalam undang-undang jenayah sivil. Pihak penguatkuasa seperti polis biasanya akan hanya mengambil tindakan selepas terdapat laporan berkaitan jenayah dibuat.

6. Undang-undang jenayah Islam amat berhati-hati dalam soal mensabitkan seseorang dengan hukuman jenayah.

Pensabitan tertuduh dalam kes hudud adalah amat sukar dan berat. Contohnya, bagi kes kecurian, harta yang dicuri itu mesti disimpan ditempat yang sesuai, dan tidak berlaku masalah yang mendesak seperti perang, kebuluran dan mala petaka. Begitu juga dalam kes zina yang disabitkan dengan iqrar atau kesaksian oleh empat lelaki yang melihat kejadian secara jelas ibarat melihat timba masuk ke dalam perigi. Jika gagal membawa empat saksi, orang yang membuat tuduhan itu pula akan didakwa melakukan kesalahan *qazaf*. Syarat saksi dalam undang-undang Islam pula amat ketat. Seseorang saksi mestilah adil iaitu tidak fasik. Terdapat proses penapisan saksi yang disebut sebagai '*tazkiyah al-syuhud*'. Jika didapati saksi itu pernah melakukan dosa besar selalu melakukan kejahatan mempunyai akhlak yang keji, maka kesaksiannya boleh dipertikai. Dalam undang-undang jenayah sivil, soal akhlak dan perangai saksi tidak diambil kira dalam menentukan kesahihan keterangannya.

7. Undang-undang jenayah Islam tidak membenarkan pemerintah menahan seseorang tanpa dibawa kemuka pengadilan dan didakwa menurut prosedur yang sah.

Islam menjunjung tinggi konsep bahawa ‘pada asalnya seseorang itu tidak bersalah’ (*al-aslu bara’ah al-zimmah*). Tahanan tanpa bicara dianggap satu kezaliman dalam Islam walau dengan apa alasan sekali pun. Jika seseorang itu dikatakan melakukan jenayah, maka perkara jenayah itu perlu dibuktikan oleh pendakwa di hadapan hakim di mahkamah. Beban bukti terletak pada pendakwa. Jika tiada bukti bahawa tertuduh itu melakukan jenayah, maka tertuduh itu perlu dilepaskan dan dia bebas dari tuduhan itu. Dalam undang-undang jenayah sivi, terdapat peruntukan yang membenarkan tahanan tanpa bicara yang disebut sebagai tahanan pencegahan atau *preventive detention*. Contohnya Akta Keselamatan Dalam Negeri membenarkan seseorang yang disyakki menjejaskan keselamatan awam ditahan selama 60 hari tanpa bicara untuk siasatan. Seseorang yang pada pendapat Menteri Dalam Negeri boleh menjejaskan keselamatan awam pula boleh ditahan selama dua tahun. Mereka boleh ditahan tanpa dibicara di mana-mana tribunal atau mahkamah.

8. Undang-undang Islam memperuntukkan pelbagai bentuk hukuman yang mempunyai kesan yang mendalam.

Bagi hukuman hudud terdapat hukuman rejam sampai mati, sebatan, hukuman mati, potong tangan. Potong kaki, salib, dan buang negeri. Bagi kesalahan qisas, terdapat hukuman qisas iaitu balasan yang sama dengan jenayah iaitu nyawa dengan nyawa, mata dengan mata, telinga dengan telinga dan seterusnya, serta hukuman diyat iaitu gantirugi dengan kadar yang berbeza. Hukuman takzir pula amat luas dan boleh dikenakan mengikut masalah, keperluan dan kebijaksanaan pemerintah, badan perundangan serta hakim. Sementara dalam undang-undang sivil, hukumannya yang utama hanyalah hukuman mati, penjara, sebat dan denda. Walau pun terdapat hukuman lain seperti jaminan perkelakuan baik, gantirugi, dan arahan untuk remaja, hukuman yang utama adalah hukuman mati, penjara, denda dan rotan. Di antara keempat-empat hukuman ini pula hukuman yang paling banyak adalah hukuman penjara. Boleh dikatakan hampir semua bentuk kesalahan jenayah boleh dihukum dengan hukuman penjara. Kesalahan-kesalahan utama dan berat seperti membunuh, rogol, menculik, merompak dan seumpamanya boleh dihukum dengan hukuman penjara. Begitu juga dengan kesalahan kecil seperti kesalahan lalu-lintas, kesalahan berkaitan pihak berkuasa tempatan dan sebagainya. Sedangkan penjara boleh

membawa kepada berbagai keburukan seperti ia boleh menjadi tempat latihan jenayah di samping pusat pengedaran dadah dan perbuatan tidak bermoral. Penjara juga menyebabkan isteri, anak-anak dan keluarga terpaksa menanggung malu dan beban ekonomi akibat dari kesalahan penjenayah. Mereka yang keluar dari penjara biasanya disisihkan oleh masyarakat dan ada yang kembali melakukan jenayah.

9. Indah kerana keberkatan.

Keberkatan adalah satu perkara yang tidak dapat dilihat oleh pancaindera tetapi ia terbukti melalui janji Allah dan Rasulnya serta peristiwa yang berlaku. Allah menjamin keberkatan dengan pelaksanaan hukum Islam termasuk undang-undang jenayah. Pelaksanaan undang-undang Islam pasti dapat mengurangkan kadar jenayah dan mewujudkan keharmonian di kalangan masyarakat. Berbeza dengan undang-undang sivil ciptaan manusia yang dianggap bertentangan dengan undang-undang Islam. Ia gagal menimbulkan rasa takut dan gerun walau pun hukuman yang dikenakan adalah berat. Umpamanya hukuman mati mandatori bagi kesalahan mengedar dadah tidak berjaya mengurangkan jenayah berkenaan. Begitu juga dengan kesalahan jenayah yang lain.

PENUTUP

Mudah-mudahan perbincangan dalam buku ini memberikan manfaat kepada semua pembaca. Di harap agar para pembaca sudi memanjangkan lagi manfaat ini dengan turut sama menyebarkan buku ini kepada rakan-rakan, kenalan dan keluarga. Terima kasih.

SENARAI RUJUKAN

- Abdul Ghani Azmi b. Idris, *Mengenal Qanun Jenayah Islam*, Al-Hidayah Publisher, Kuala Lumpur, 1997
- Abil Hassan al-Mawardi, *Al-ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilkayah al-diniyyah*, Mesir, 1966
- Ahmad Kamarudin Haji Hamzah, Al-Qur'an sebagai sumber perundangan Islam dlm. Siti Zalikah Haji Md. Nor (ed), Al-Syariah, Jilid 1, *Konsep dan falsafah perundangan Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999, ms. 20-30
- Al-Qurtubi, Tafsir al-Qurtubi, Bab 6, ms. 184
- Anwarullah, *Criminal Law of Islam*, A.S.Noordeen, Kuala Lumpur, 1997, ms.3-4
- Abdul Karim Zaidan, *Nizam al-Qadha fi al-Syariah al-Islamiyah*, Dar al-Bashir, Jordan, 1995
- Abdur Rahman I. Doi, *Shari'ah: The Islamic law*, A.S.Noordeen, Kuala Lumpur, 1984
- Abdur-Rahman Ibrahim al-Dhahiyah, *Al-Idarah fi al-Islam*, Dar al-Syuruq, Jeddah, 1986
- Abu Hamid Muhammad Al-Ghazali, *Ihya' Ulum al-din*, Jil. 3, Dar al-Fikr, Beirut, 1980
- Abu Hassan bin Abdullah al-Nubaihi, *Tamlih Qudhat al-Andalus*, Dar al-Alaq al-Jadid, Beirut, 1980
- Ahmad Fathi Bahnasi, *Nazariyah al-Ithbat*, Syarikah al-Arabiyyah li al-Tibaah, Mesir, 1962, ms. 16
- Al-Kahlani, Al-Said al-Imam Muhammad bin Ismail, *Subul al-Salam*, Mustafa al-Bab al-Halabi, Mesir, 1960
- Auni bin Haji Abdullah, *Hisbah dan pentadbiran negara*, Ikdas Sdn Bhd., Kuala Lumpur, 2000,
- Chair of Philosophy of Law and Social Philosophy (CPLSP), *What are Philosophy of Law and Social Philosophy?* (atas talian) <http://www.unierfurt.de/rechtsphilosophie/englisch/index.html> (19 September 2001)

- Fadilah Sarnap (pysn), *Perundangan Islam: sejarah perkembangan, sumber dan mazhabnya*, Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 1998
- Hamid Jusoh, *Kedudukan Undang-undang Islam dalam Perlembagaan Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992
- Haron Din, Falsafah perundangan Islam dlm. Mohd Azam Hamzah & Md. Akhir Haji Yacob(ed.), *Falsafah dan prinsip perundangan Islam*, Penerbit UKM, Bangi 1986
- Hooker, M.B., *Undang-undang Islam di Asia Tenggara* (Terj. Rohani Abdul Rahim dll) Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991
- Ibn Mazah al-Bukhari, *Syarh Adab al-Qadhi*, (tanpa tarikh).
- Ibu Qayyim al-Jauziyyah, *Al-Turuq al-Hukmiyah*, Matba'ah al-Madani, Mesir, 1977
- Jafril Khalil, Konsep dan falsafah perundangan Islam dlm. Siti Zalikah Haji Md. Nor (ed), Al-Syariah, Jilid 1, *Konsep dan falsafah perundangan Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999, ms. 1-19
- Laporan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1956-1957
- Liaw Yock Fang yang mengandungi 44 fasal. Rujuk Liaw Yock Fang, *Undang-undang Melaka* , The Hague: Maritimes Nijhoft, 1976.
- Mahmud Saedon A. Othman, *Kadi:pelantikan, pelucutan dan bidangkuasa*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991
- Mahmud Saedon A. Othman, *Undang-undang Keterangan Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990
- Mahmud Saedon Awang Osman, Pelaksanaan perundangan Islam di Malaysia: kenyataan dan permasalahan dlm. Mohd Azam Hamzah & Md. Akhir Haji Yacob(ed.), *Falsafah dan prinsip perundangan Islam*, Penerbit UKM, Bangi 1986, ms. 168-196
- Mahmood Zuhdi Abd Majid, *Pengantar undang-undang Islam di Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1997
- Mustafa Kamal Wasfi, *Musannafat al-Nuzum al-Islamiah*. Maktabah Wahbah, Kaherah, 1977
- Muhammad Dhiya'uddin Al-Rayes, *Al-Nazariyat al-Siyasat al-Islamiyyah*, Maktabah Dar al-Turath, Kaherah, 1976, ms. 415-416.

- Mohd Azam Hamzah & Md. Akhir Haji Yacob(ed.), *Falsafah dan prinsip perundangan Islam*, Penerbit UKM, Bangi 1986
- Mohamad Jajuli A. Rahman, *The Malay Law Text*, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, 1995.
- Muhamad Salam Madkur, *al-Qada' fi al-Islam*, Matbaah al-Nahdah, Kaherah, 1964
- Mohamad Hashim Kamali, *Principles of Islamic Jurisprudence*, Pelanduk Publication, Petaling Jaya, 1989,
- Mortimer J. Adler, (tanpa tarikh) *Are you Naturalist or Positivist?*, (atas talian) The Radical Academy <http://www.radicalacademy.com/adlernatorpos.htm> (20 September 2001)
- Mu'jam alfaz al-Qur'an*, Jil. 2, ms. 12, Majma' Lughah Arabiyyah, Kaherah
- Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Preliminary Statement on a General Theory of the Malay-Archipelago*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1966
- Siti Zalikah Haji Md. Nor (ed), *Al-Syariah, Jilid 1, Konsep dan falsafah perundangan Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999
- Sunan Ibni Majah, *Isa al-Bab al-Halabi*, Mesir, 1972, ms. 850
- Wahbah al-Zuhaili, *Usul al-Fiqh al-Islami*, (Jil.1) Dar al-Fikr, Damsyiq, 1986, ms. 421.
- Wahbah Al-Zuhaili, *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Dar al-Fikr, Yusof Al-Qardhawi, *Madkhal li dirasat al-syar'iah al-Islamiah* diterjemah ke bahasa Malaysia oleh Abu Azzam, (Panduan memahami Syariat Islam) Pustaka Ilmi, Selangor, 1998
- Beirut, Jil. 6, ms. 597-598
- Yusof Al-Qardhawi, *Syari'ah al-Islam solihah li al-thathbiq fi kulli zaman wa makan* diterjemah ke bahasa Malaysia oleh Juanda Jaya, (Perlaksanaan Syariah Islam sesuai dilaksanakan pada setiap tempat dan masa), Maktabah Al-Qardhawi, Selangor, 1998
- Zakaria bin Ismail al-Ansari, *Subul al-Salam*, Mustafa al-Bab al-Halabi, Kaherah, Jil.3,